

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2025

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (TERENGGANU)
JARINGAN INDUSTRI DAN KEUSAHAWANAN

KETUA PTJ :

ERMEEY BIN ABD. KADIR

KETUA UNIT KUALITI :

NOOR HASYIMAH BINTI SULAIMAN

PENYELARAS :

ANIZA BINTI ARIFIN

PENULIS :

1. FALIZA BT MAHAMED ALI
2. NURUL SHUHADA BINTI ISMAIL @ MUSAH
3. NURMAISARI BINTI CHE ANUAR
4. NOOR HASYIMAH BINTI SULAIMAN
5. ZAIZA NORSURIATI BT ZAINAL @ ZAKARIA
6. RABIATUL ADAWIYAH BTE MA'AROF
7. NUR ATHIRAH BINTI MOHAMAD HATTA

8. MOHD HAIKAL BIN MUSTAFA
9. MOHD SHAHNIZAM BIN MAT ZAIN
10. MARINI BINTI MAMAT
11. NORALISA BINTI ISMAIL
12. ABDUL RAHIM BIN BAHARI
13. NUR DALILA BINTI ADENAN
14. NIK FAZLIN HIRYATI BINTI NIK JAAFAR
15. MOHAMAD ARIF BIN ABDUL KADIR
16. NOR SHAFURA BINTI MUSILEHAT
17. RUBIAH BINTI ABU BAKAR
18. AHMAD FAKRULAZIZI BIN ABU BAKAR
19. NIK MARSYAHARIANI BINTI NIK DAUD
20. NUR AININA BINTI MOHD FAUZI
21. RABIATUL ADAWIYAH BINTI MOHD ARIFFIN
22. NURUL AJLEAA BINTI ABDUL RAHMAN
23. NOR FAEZAH BINTI GHAZI AHMAD
24. RAMIZATUNNISAH BINTI JAIS
25. ANIZA BINTI ARIFIN
26. AINA SYAKIRAH BINTI MOHD NONG
27. SULAILI KHAZIMAH BINTI SULONG
28. NURUL SYUHADA BINTI BAHARUDDIN
29. LUQMANUL HAKIM BIN ZULKORNAIN
30. MUHAMMAD SHAQIF AZFAR BIN AFANDI
31. NOR HAMIZA BINTI MOHD GHANI
32. SITI RUSALMA ASLAH BINTI RUSLI
33. HELMISYAH BIN AHMAD JALALUDIN
34. MOHD IZWAN BIN MOHD ZAKI

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan Kanan UiTMCT telah menyusun Perancangan Strategik (PS) berkaitan **Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K)** untuk memastikan teras strategik universiti dicapai mengikut Perancangan Strategik (PS) dan Objektif Kualiti UiTMCT. Ia bermula dengan penetapan teras *GLOBAL EXCELLENCE* bagi mencapai "Universiti Terkemuka Dunia" (*Globally Renowned University*) menjelang 2025. Garis panduan yang digunakan dalam merangka PS berkaitan adalah berdasarkan **PS UiTM 2020–2025, Matlamat Pembangunan Lestari** (*Sustainable Development Goals- SDGs*) dan **Rancangan Malaysia ke-12** (2021–2025) serta teras MADANI.

Hasil daripada perancangan tersebut, Pengurusan Kanan UiTMCT telah mengambil **pendekatan** dengan **melaksanakan PS UiTMCT 2020-2025**. Tiga fokus utama telah dipilih bagi memenuhi sasaran petunjuk prestasi bidang tumpuan, iaitu **Penjimatan & Penjanaan** (impak optimum dengan kos yang diberi), **Visibiliti & Imej Kampus** (war-warkan pencapaian kampus, warga dalam media sosial dan media massa), dan **Kecemerlangan Warga** (warga menguruskan program peringkat tempatan dan antarabangsa). Ketiga-tiga fokus yang dipilih ini telah berjaya mencapai *Performance Indicator* (PI) yang melebihi sasaran. **Pendekatan Model Jaringan Lestari telah** digarapkan bagi memacu kepada pencapaian hasil JI&K yang cemerlang sehingga ke peringkat **antarabangsa**.

Untuk memastikan perancangan yang dijalankan lebih proaktif, penganalisan **pemantauan** dijalankan oleh Kepimpinan Kanan UiTMCT secara berkala. Langkah ini melibatkan **pelaporan aktiviti JI&K dan risiko** yang berkaitan di Mesyuarat JKEN Khas (PS) dan MKSP. Pemantauan ini adalah untuk memastikan objektif JI&K tercapai mengikut pelan tindakan yang digariskan. Pemantauan juga dibuat melalui maklum balas pelanggan yang dikaji untuk mengenalpasti kekuatan dan punca isu.

Perbincangan dan maklum balas yang diperolehi digunakan untuk langkah **penambahbaikan** yang dilaksanakan oleh Pengurusan Kanan UiTMCT dalam pembentangan di Mesyuarat JKEN Khas (PS) dan MKSP. Penambahbaikan ini perlu selaras dengan PS UiTMCT 2020-2025 bagi memupuk **pembudayaan JI&K dalam kalangan warga** terutamanya staf dan juga pelajar UiTMCT. Pengurusan Kanan juga membudayakan JI&K ini dalam kalangan warga UiTMCT dalam PS bahagian masing-masing. **Amalan pembudayaan JI&K disebarluaskan** kepada **pemegang taruh** samada di peringkat kebangsaan ataupun antarabangsa menerusi aktiviti **MoU dan MoA** bersama agensi nasional, industri dan **rakan antarabangsa** iaitu **Institut Agama Islam (IAI) Padang Lawas, Sumatera Utara, Universitas Sumatera Utara (USU) serta Universiti Islam Negeri Salatiga, Indonesia**. Pelaksanaan projek strategik bersama industri iaitu **Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (APPGM), Maybank, Pusat Sains Kreativiti Terengganu, Yayasan Diraja Sultan Mizan dan Good Virtue & Co.** turut menyumbang kepada penjenamaan UiTMCT di peringkat kebangsaan.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Perancangan UiTMCT yang bersistemik untuk mencapai sasaran UiTM untuk menjadi universiti terkemuka dunia pada tahun 2025 (**GRU2025**) berasaskan kepada tiga teras strategik utama (*Education 5.0@UiTM, Graduan Keusahawanan & Seimbang dan Tadbir Urus Cekap*) serta **PS UiTM 2020-2025, 6 Fokus Utama** (Bukti 1.2a) dan **10 Projek Khas UiTMCT**. Setiap projek khas UiTMCT dipengerusikan oleh ahli Pengurusan Kanan yang menjadi panduan utama bagi hala tuju dan gerak kerja warga UiTMCT. Bagi tahun 2024, UiTMCT telah berjaya mencapai *Performance Indicator* (PI) 100 peratus bagi empat PI berkaitan **keusahawanan**. Ini bermakna segala pembudayaan jaringan keusahawanan yang dijalankan dengan **mengambil kira elemen penambahbaikan** bagi mencapai matlamat PS UiTMCT 2020-2025, berfokuskan **Model Jaringan Lestari** (Bukti 1.2b).

Amanat Naib Canselor 2024 menekankan **Kebolehpasaran Global** yang sejajar dengan **PS UiTM 2020-2025**, bertujuan menjadikan universiti ini sebagai *Universiti Terkemuka Dunia* dalam menyokong pembentukan (Bukti 1.2c). Selaras dengan itu, Amanat Rektor 2024 menekankan warga untuk menjana pendapatan dan aktiviti keusahawanan untuk memupuk dalam kalangan warga. Melalui pelbagai latihan dan aktiviti yang berpaksikan kepada **Keusahawanan**, ianya dapat meningkatkan tahap kebolehpasaran pelajar sejajar dengan permintaan industri di samping melahirkan graduan yang seimbang dan holistik. Ianya dilaksanakan selari dengan PS UiTMCT 2020-2025 (Bukti 1.2d).

Perkongsian pengetahuan kepada warga melalui inisiatif yang berfokus pada tiga keberhasilan utama di bawah tema **Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K): Lestari JI&K Strategik, Lestari JI&K Operasi dan Lestari JI&K Kewangan**. UiTMCT melibatkan warga UiTM serta pelbagai pihak pemegang taruh termasuk industri, kerajaan, komuniti tempatan serta antarabangsa, rakan MOU atau Strategik serta agensi tempatan dan antarabangsa bagi memperkasakan aktiviti bidang tumpuan JI&K. Kepimpinan Kanan UiTMCT melaksanakan perancangan secara sistemik dengan memastikan segala aktiviti keusahawanan dijalankan secara lebih efektif dan efisien dengan pendekatan *Jana dan Jimat* melalui *Jaringan Lestari* bersama pelbagai pihak industri, agensi kerajaan, organisasi dan komuniti tempatan dan antarabangsa. Kerjasama strategik dengan komuniti dan pemegang taruh, termasuk pemeteraian MoU bersama **Universitas Islam Sultan Agung (UNISSULA) dan Universitas Sumatera Utara (USU) dari Indonesia**, serta kolaborasi bersama **MTDC melalui program Agropeneur**. Keberhasilan dari projek *Smart Agro-Solarpreneur, Unipreneur 4.0* menunjukkan komitmen dalam memperkasakan keusahawanan. Pengurusan Kanan UiTMCT turut menghantar warga yang mempunyai kepakaran untuk program bimbingan (*coaching*) bersama IKS dan MTDC (Bukti 1.2e).

SENARAI BUKTI:

1. [K0024_K01_KB02_20251_UiTMCT 1.2a KEPIMPINAN .pdf](#)
2. [K0024_K01_KB02_20252_UiTMCT 1.2b KEPIMPINAN .pdf](#)
3. [K0024_K01_KB02_20253_UiTMCT 1.2c KEPIMPINAN.pdf](#)
4. [K0024_K01_KB02_20254_UiTMCT 1.2d KEPIMPINAN .pdf](#)
5. [K0024_K01_KB02_20255_UiTMCT 1.2e KEPIMPINAN .pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

PS UiTMCT 2020-2025 menjadi panduan utama kepada hala tuju dan gerak kerja Pengurusan Kanan UiTMCT bagi tahun 2024. Kepimpinan Kanan UiTMCT memastikan keberkesanan pelaksanaan JI&K dalam PS UiTMCT 2020–2025 dengan mengambil inisiatif untuk melaksanakan **penyebarluasan** yang **bersistemik** kepada seluruh warga UiTMCT melalui:

1. **Perjumpaan Fizikal:** Amanat Rektor, Amalan Rektor Turun Padang, Mesyuarat Bahagian/Unit, Mesyuarat JKEN Khas (PS), dan Mesyuarat JK 10 Projek Khas PS oleh Pengerusi (Bukti 1.3a).
2. **Dalam Talian/Secara Maya:** Perkongsian maklumat melalui emel, akaun rasmi media sosial UiTMCT iaitu Facebook (FB), Instagram, TikTok dan YouTube serta Whatsapp Group dan Telegram Group (Bukti 1.3b).

Melalui inisiatif **penyebarluasan** yang dilaksanakan, **seluruh warga** sentiasa maklum dan dapat **mengikuti perkembangan tahap kemajuan** dan **pencapaian projek-projek JI&K** di bawah PS UiTMCT 2020-2025 (Bukti 1.3c). Ini secara langsung mahupun tidak langsung mampu menarik minat lebih ramai **warga UiTMCT** (dalaman) dan **pemegang taruh** (luaran) untuk turut berganding bahu dan bekerjasama bagi menjayakan JI&K. Pendekatan yang diambil membolehkan projek-projek yang dijalankan mendapatkan hasil yang memberangsangkan, mencapai sasaran yang ditetapkan oleh BTU (Bukti 1.3d), serta memperkasakan JI&K menerusi kelestarian jaringan kolaborasi bersama pihak industri, rakan universiti dan industri di peringkat antarabangsa dan nasional, serta komuniti yang memerlukan (Bukti 1.3e).

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_K01_KB03_20251_UiTMCT_1.3a_KEPIMPINAN.pdf](#)
2. [K0024_K01_KB03_20252_UiTMCT_1.3b_KEPIMPINAN.pdf](#)
3. [K0024_K01_KB03_20253_UiTMCT_1.3c_KEPIMPINAN.pdf](#)
4. [K0024_K01_KB03_20254_UiTMCT_1.3d_KEPIMPINAN.pdf](#)
5. [K0024_K01_KB03_20255_UiTMCT_1.3e_KEPIMPINAN.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Kejayaan penganjuran projek-projek JI&K yang berkualiti dan berimpak bukan sekadar berdasarkan kepada perancangan bersistematik dan dokumentasi yang lengkap tetapi turut berasaskan kepada pemantauan. UiTMCT telah melaksanakan pelan **pemantauan** termasuk **penilaian** dan pengurusan risiko agar **penambahbaikan berterusan** dilaksanakan. Kesemua risiko didaftarkan dalam Daftar Risiko menerusi Sistem Pengurusan Risiko (e-RMS). Hasil pemantauan turut dianalisa dan penambahbaikan dilakukan serta dibentangkan dalam (Bukti 1.4.1a, 1.4.1b & 1.4.1c):

- i) Mesyuarat JKEN Khas (PS)
- ii) MKSP
- iii) Mesyuarat BPJI
- iv) Mesyuarat 10 Projek Khas PS

Pemantauan terhadap **maklum balas** warga melalui media sosial seperti *Facebook* (FB), *Telegram Group*, Instagram, Tik Tok, serta emel dan laman sesawang rasmi UiTMCT turut dilaksanakan (Bukti 1.4.1d). **Hasil daripada pemantauan projek melalui audit dan analisa risiko juga** digunakan untuk **kajian semula** oleh Pengurusan Kanan bagi tujuan penambahbaikan dan keberkesanan pengurusan projek (Bukti 1.4.1e).

Penglibatan Pengurusan Kanan turut melaksanakan **amalan turun padang** bagi **menyebarkannya PS, mendapat maklum balas, memantau serta mengenalpasti permasalahan** secara langsung tentang projek JI&K yang dijalankan. Maklum balas dan isu yang diperolehi **dianalisis** bagi mengenal pasti tahap pencapaian projek JI&K berbanding objektif yang ditetapkan dalam PS UiTMCT 2020–2025. Dapatan daripada penilaian digunakan sebagai asas kepada **tindakan penambahbaikan berterusan**. Melalui proses ini, strategi pelaksanaan projek dapat diperhalusi, cabaran dapat ditangani lebih awal, dan keberkesanan inisiatif JI&K dapat dipertingkatkan supaya kekal relevan, berimpak tinggi, dan sejajar dengan hala tuju universiti.

SENARAI BUKTI:

1. [K0024_K01_KB04_KC01_20251_UiTMCT 1.4.1a KEPIMPINAN .pdf](#)
2. [K0024_K01_KB04_KC01_20252_UiTMCT 1.4.1b KEPIMPINAN .pdf](#)
3. [K0024_K01_KB04_KC01_20253_UiTMCT 1.4.1c KEPIMPINAN .pdf](#)
4. [K0024_K01_KB04_KC01_20254_UiTMCT 1.4.1d KEPIMPINAN .pdf](#)
5. [K0024_K01_KB04_KC01_20255_UiTMCT 1.4.1e KEPIMPINAN .pdf](#)

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko amat dititikberatkan oleh Pengurusan Kanan UiTMCT. Tadbir tadbir urus risiko dilestarikan oleh **Unit Pengurusan Risiko (UPR)** yang diketuai oleh seorang Koordinator (Bukti 1.4.2a). Pengurusan Kanan UiTMCT mengenalpasti, menganalisa, menilai, mengkategorikan, dan mengawal risiko berdasarkan kepada **Dasar dan Mekanisme Pengurusan Risiko UiTM** (Bukti 1.4.2b) dan **Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UiTMCT** (Bukti 1.4.2c). Kepimpinan Kanan UiTMCT, melalui UPR, memastikan setiap Bahagian/Unit/Fakulti mengenalpasti dan menangani risiko melalui daftar risiko (Bukti 1.4.2d).

Langkah Pertama: Mengenalpasti Risiko

Setiap jabatan yang diketuai oleh Timbalan Rektor (HEA, HEP dan PJIA), Penolong Rektor (Bukit Besi dan Kuala Terengganu), Timbalan Pendaftar Kanan dan Timbalan Bendahari Kanan berperanan untuk mengenalpasti risiko dan punca risiko jabatan masing-masing melalui Pelan Perancangan Strategik (SAP) (Bukti 1.4.2e).

Pengenalpastian risiko ini dilaksanakan pada peringkat perancangan setiap projek/program:

- i) Strategik - Halatuju perancangan pelaksanaan aktiviti projek/program
- ii) Operasi (manusia dan prasarana) - Halangan proses kerja
- iii) Kewangan - Halangan keupayaan, pengurusan dan keselamatan kewangan
- iv) Perundangan - Implikasi perundangan termasuk dasar dalaman dan luaran
- v) Reputasi - Implikasi kepada imej universiti

Jenis risiko, punca, dan impak dikenalpasti dan dianalisa oleh ketua jabatan berdasarkan kawalan sedia ada dan cadangan penambahbaikan. **Risiko Strategik** melibatkan halangan halatuju dan objektif JI&K di UiTMCT untuk mencapai Visi, Misi, Objektif Kualiti, dan **PS UiTMCT 2020-2025**, serta pencapaian indikator BTU UiTM, MYRA, SDG dan QS *Ranking*. **Risiko Operasi** berkaitan proses kerja bagi pelaksanaan projek/program keusahawanan UiTMCT. **Risiko Kewangan** merujuk kepada halangan pembiayaan bagi melaksanakan inisiatif strategik dan aktiviti JI&K berimpak tinggi UiTMCT. **Risiko Perundangan dan Reputasi** berkaitan implikasi perundangan dan imej UiTMCT. Penilaian risiko ini berlandaskan matrik impak: **Rendah, Sederhana, Tinggi**, dan **Ekstrem**, mengambil kira kebarangkalian dan potensi impak.

Langkah Kedua: Rancangan Kawalan dan Pemantauan

Pemantauan risiko dijalankan secara berkala oleh UPR di UiTMCT dengan membuat penilaian samada risiko-risiko (i.e., dalam jangkaan samada dalam atau luar kawalan) berjaya dicegah atau mungkin terdapat risiko baharu (i.e., luar jangkaan) yang wujud/dikenalpasti. Bagi risiko yang baharu, pelan mitigasi dibentuk atau pelan sediaada ditambahbaik supaya risiko dapat dikawal dan/atau diatasi dengan segera.

Langkah Ketiga: Tindakan Pencegahan dan Penambahbaikan

Tindakan pencegahan adalah bagi memastikan setiap risiko dapat diurus dengan langkah pencegahan yang bersesuaian mengikut situasi/keadaan.

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_K01_KB04_KC02_20251_UiTMCT 1.4.2a KEPIMPINAN .pdf](#)
2. [K0024_K01_KB04_KC02_20252_UiTMCT 1.4.2b KEPIMPINAN .pdf](#)
3. [K0024_K01_KB04_KC02_20253_UiTMCT 1.4.2c KEPIMPINAN .pdf](#)

4. [K0024_K01_KB04_KC02_20254_UiTMCT 1.4.2d KEPIMPINAN .pdf](#)
5. [K0024_K01_KB04_KC02_20255_UiTMCT 1.4.2e KEPIMPINAN .pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Data dan maklumat JI&K dikumpul dan dianalisa secara sistematik bagi tujuan **penilaian penambahbaikan secara berterusan** untuk mencapai PS UiTMCT 2020-2025 yang berfokus kepada tiga keberhasilan utama dalam Model Jaringan Lestari: Lestari JI&K Strategik, Lestari JI&K Operasi dan Lestari JI&K Kewangan. Ini merangkumi **perancangan sistematik** oleh Pengurusan Kanan UiTMCT disusuli **mekanisme pelaksanaan dan pemantauan yang efisien serta efektif** dengan mengambil kira risiko-risiko yang terlibat.

Hasil **tindakan penambahbaikan prestasi** bagi JI&K terhasil daripada **pemantauan berkala** melalui siri mesyuarat, siri audit dalam, penilaian sendiri dan maklum balas pemegang taruh yang dianalisa dan dibincangkan di peringkat Pengurusan Kanan dan pentadbiran jabatan di UiTMCT (Bukti 1.4.3a). Maklumat hasil tindakan penambahbaikan diperolehi dari laporan pencapaian dan penilaian berdasarkan impak penambahbaikan PS UiTMCT 2020-2025. Hasil analisa dijadikan panduan dalam melaksanakan intervensi bagi memastikan kelancaran JI&K. Pengurusan Kanan UiTMCT turut memberi penekanan kepada intervensi secara bersasar. Mekanisme **perkongsian maklumat kepada warga** seperti sesi taklimat umum dan bersasar sesi taklimat akademik, perjumpaan dengan warga secara fizikal dan maya, atau pemakluman melalui media elektronik. Sesi perjumpaan staf bersama Rektor dijalankan secara berkala, telah menjadi platform penyampaian dan perbincangan hasil analisis JI&K bersama warga UiTMCT (Bukti 1.4.3b).

Kelestarian kajian semula dan tindakan penambahbaikan telah mampu menghasilkan kecemerlangan menerusi:

1. **Lestari JI&K Strategik**: Pencapaian **PI073, PI074** dan **OK PJI 4** seperti **MoU dan MoA bersama agensi nasional, industri dan rakan antarabangsa**. Kolaborasi ini disokong oleh pelaksanaan projek strategik bersama industri (APPGM, Maybank, PSKT, Yayasan Diraja Sultan Mizan, Good Virtue & Co.) yang menyumbang kepada penjenamaan UiTMCT di peringkat kebangsaan dan antarabangsa (Bukti 1.4.3c).
2. **Lestari JI&K Operasi**: Melalui **aktiviti praktikal, kolaborasi industri, latihan-latihan keusahawanan kepada komuniti, industri, dan agensi-agensi kerajaan** untuk mencapai PI berkaitan JI&K melalui Pemeteraian MoU di peringkat antarabangsa, Projek Agropreneur, Inkubator Minimart, Sewaan Ruang dan Program Bimbingan yang telah menghasilkan Pemindahan Pengetahuan (KTP) dan kelestarian JI&K (Bukti 1.4.3d).
3. **Lestari JI&K Kewangan**: Menerusi **pengewangan aset** digarapkan melalui hasil aktiviti penjana yang berjaya **melebihi sasaran dengan penjanaan melebihi RM4.6 juta**. Ianya dijana melalui sewaan ruang, pengoperasian hotel universiti, penganjuran kursus/ seminar dan projek agropreneur. Monetisasi aset telah dilaksanakan secara menyeluruh dan menjadi sumber hasil baharu dalam melestarikan JI&K (Bukti 1.4.3e).

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_K01_KB04_KC03_20251_UiTMCT 1.4.3a KEPIMPINAN .pdf](#)
2. [K0024_K01_KB04_KC03_20252_UiTMCT 1.4.3b KEPIMPINAN.pdf](#)
3. [K0024_K01_KB04_KC03_20253_UiTMCT 1.4.3c KEPIMPINAN .pdf](#)
4. [K0024_K01_KB04_KC03_20254_UiTMCT 1.4.3d KEPIMPINAN .pdf](#)
5. [K0024_K01_KB04_KC03_20255_UiTMCT 1.4.3e KEPIMPINAN .pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Untuk mencapai objektif dan inisiatif **PS UiTMCT 2020-2025** yang berfokus pada Model Jaringan Lestari bagi **mencapai keberhasilan** dalam JI&K, Kepimpinan Kanan UiTMCT menitikberatkan **pembudayaan penjajaran, semangat kebersamaan** serta **harmoni** dalam menggerakkan jabatan untuk merealisasikan aktiviti dan program yang dirancang. Setiap inisiatif strategik yang dirancang adalah selari dengan misi, visi, dan objektif UiTM demi kebaikan semua pemegang taruh yang terlibat. Kepimpinan Kanan UiTMCT bersama sembilan orang Ketua Projek Khas memacu inisiatif jaringan yang proaktif dan sinergi jaringan bagi setiap perancangan strategik yang telah ditetapkan (Bukti 1.5a).

Pelaporan dan pemantauan setiap projek dalam **PS UiTMCT 2020-2025** dilakukan secara **sistematik** melalui mesyuarat berkala untuk mendapatkan maklumat dan perkembangan terkini (Bukti 1.5b). Selain itu, **penyebaran** dan **pembudayaan JI&K** dikongsikan kepada warga menerusi platform rasmi (laman web dan emel) dan media sosial UiTMCT (seperti *Facebook*, *Instagram*, *TikTok*, dan *Telegram Group*) (Bukti 1.5c). Keterangkuman dan penglibatan warga UiTMCT memberi impak besar dalam penghasilan perancangan strategik bagi bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan yang berkesan. Sebagai contoh, program sukan dan aktiviti pelajar melibatkan penggabungan tiga kampus (Dungun, Bukit Besi, dan Kuala Terengganu), hasil jualan kelas komersial untuk penjana Tabung Amanah Fakulti, penyertaan pertandingan oleh pelajar-pelajar, dan penganjuran konferensi/seminar yang berbayar (Bukti 1.5d). Penglibatan dan **kolaborasi** bersama pelbagai **pemegang taruh** (seperti komuniti termasuk rakan industri, institusi pengajian tinggi, serta agensi kerajaan sama ada **tempatan** mahupun **antarabangsa**) sentiasa dititikberatkan untuk melestarikan pencapaian dan impak yang lebih holistik. Hanya terhasil menerusi **MoU dan MoA** bersama agensi nasional, industri dan **rakan antarabangsa** iaitu **Institut Agama Islam (IAI) Padang Lawas, Sumatera Utara, Universitas Sumatera Utara (USU) serta Universiti Islam Negeri Salatiga, Indonesia**. Kolaborasi ini disokong oleh pelaksanaan projek strategik bersama industri yang terdiri daripada **Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (APPGM), Maybank, Pusat Sains Kreativiti Terengganu, Yayasan Diraja Sultan Mizan dan Good Virtue & Co.** yang menyumbang kepada penjenamaan UiTMCT di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa (Bukti 1.5e).

Pencapaian objektif dan inisiatif strategik JI&K yang telah dirancang oleh Pengurusan Kanan UiTMCT mampu menyumbang ke arah merealisasikan visi UiTM - Sebuah Universiti Terkenal di Peringkat Global (*Globally Renowned University*) 2025.

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_K01_KB05_20251_UiTMCT 1.5a KEPIMPINAN .pdf](#)
2. [K0024_K01_KB05_20252_UiTMCT 1.5b KEPIMPINAN .pdf](#)
3. [K0024_K01_KB05_20253_UiTMCT 1.5c KEPIMPINAN .pdf](#)
4. [K0024_K01_KB05_20254_UiTMCT 1.5d KEPIMPINAN .pdf](#)
5. [K0024_K01_KB05_20255_UiTMCT 1.5e KEPIMPINAN.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Dalam mensasarkan Universiti Terkemuka Dunia [*Globally Renowned University (GRU)*] menjelang 2025, UiTMCT mengatur langkah **perancangan bersistematik** berdasarkan Pelan Strategik UiTM 2025 melalui dua teras strategik iaitu Teras Strategik 1 - Pendidikan Berkualiti (*Quality Education*) dan Teras Strategik 2 - Kecemerlangan Global (*Global Excellence*) yang menjadi tunjang objektif dan inisiatif. Menerusi Tema Strategik (TS) yang diketengahkan seperti TS1 iaitu Education 5.0@UiTM, TS2 iaitu Graduan Seimbang dan Berciri Keusahawanan, dan TS5 iaitu Industri, Komuniti, Perkongsian Pintar Alumni (Alumni Smart Partnership), Bumiputera profesional berasaskan nilai kecemerlangan, sinergi, dan integriti mampu dilahirkan melalui perluasan akses kerjasama jaringan industri dan keusahawanan (JI&K) seterusnya penjaan graduan keusahawanan yang seimbang. Pencapaian perancangan strategik (PS) secara signifikan telah mempengaruhi halatuju, penjenamaan dan kedudukan UiTMCT dalam penghasilan PS tahunan yang menggariskan 6 Tonggak Pengiktirafan Global dalam Amanat Naib Canselor UiTM menuju Globally Renowned, Locally Rooted 2024, dan 10 Projek Khas dalam Amanat Rektor UiTMCT sebagai strategi ke arah mencapai **Model Jaringan Lestari** yang bersepadu dan holistik.

Menerusi **pelaksanaan** projek dan program JI&K, pemilik projek dan program memastikan setiap sasaran diteliti dan diberi perhatian agar mampu dicapai oleh warga serta selari dengan keperluan PS dan objektif kualiti (OK) seperti PI072, PI073, PI074, PI076, PI077, PI079, PI080, OKBPJI 3 & 4 bagi memperkasa jaringan strategik industri dan alumni. Pelbagai aktiviti JI&K sepanjang 2024 berjaya dilaksanakan sehingga ke peringkat **antarabangsa** seperti MoA dan MoU dengan Institusi Agama Islam (IAI) Padang Lawas, Sumatera Utara, Indonesia dan Inbound Supervision Project & Heritage Cultural Program with Karpagam Academy of Higher Education (KARPAGAM), India. Manakala, program di peringkat **kebangsaan** meliputi Santuni Masyarakat: Mengangkat Kelestarian Melalui Geran Komuniti 2024, Alumni Synergy: Memperkasa Jaringan Melalui Aktiviti Sosial dan Kolaboratif 2024, serta MoU dan MoA bersama Pusat Sains & Kreativiti Terengganu, Yayasan Inovasi Malaysia, MyNEXT Internship Marketweek X CESF'24, Smart Agro-Solarpreneur Programme, dan Bank Rakyat Unipreneur 4.0.

Bagi memastikan projek yang dirancang berjalan lancar, **pemantauan** secara berkala dilakukan iaitu bulanan, suku tahun dan setiap enam bulan dengan membuat **analisa** untuk **menilai pencapaian** selaras dengan usaha Pengurusan Kanan mengenalpasti dan **merancang tindakan penambahbaikan** dan **pembetulan**. **Penilaian risiko** serta **perbandingan** dibuat bagi setiap projek, dan projek yang mencapai sasaran 25% untuk setiap suku tahun akan dikategorikan sebagai berdaya saing manakala projek yang belum mencapai sasaran dikategorikan sebagai 'projek perlu tindakan susulan' yang memerlukan proses intervensi dan penambahbaikan. Hasil pencapaian dan penambahbaikan dibenteng dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) Khas - Perancangan Strategik (PS).

Penyebaran informasi fizikal dan digital seperti e-poster infografik diperluas kepada warga melalui mesyuarat, townhall dan hebahan digital berterusan agar **warga UiTMCT** cakna terhadap perkembangan dan keberhasilan **Model Jaringan Lestari**. Usaha ini merupakan medium **penambahbaikan** agar kecekapan pengurusan pencapaian PS dipertingkatkan dengan pembentukan Jawatankuasa Strategik dan Transformasi Universiti, dan pengagihan tugas melalui Jawatankuasa Pengurusan Risiko, dan Jawatankuasa PS, Pegawai Risiko dan Pegawai Kualiti yang mewakili Fakulti, Bahagian dan Unit. Statistik pencapaian PS dalam bentuk peratusan dan graf dihasilkan untuk perumusan dan perbandingan tahunan berdasarkan corak trend. **Inovasi** ini menjadikan informasi ini bakal meningkatkan **kecaknaan warga dan pemegang taruh** dalam membantu pencapaian PS JI&K secara langsung membantu mempertingkatkan keberhasilan JI&K.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Perancangan sistematik oleh UiTMCT sebagai organisasi akademik mengambilkira elemen **penilaian, penambahbaikan dan inovasi** dalam proses melalui pembentukan PS sebagai pendekatan untuk mencapai objektif kualiti dan sasaran PS dengan merujuk kepada pemetaan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030), Matlamat Pembangunan Mampan atau *Sustainable Development Goals* (SDG), Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12) (2021-2025) dan Keberhasilan daripada 10 lonjakan dalam Pelan Tindakan Pendidikan Tinggi Malaysia 2022-2025 yang menggariskan Lonjakan 1 - Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang; Lonjakan 7 – Ekosistem Inovasi, dan; Lonjakan 8 – Keunggulan Global. Ini bertujuan menghasilkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang serta dapat memenuhi keperluan industri, meningkatkan kebolehpasaran graduan, kesejahteraan sosial dan keselamatan negara. Ia juga bakal memperkukuh kerjasama dan perkongsian yang mampan dalam membina ekosistem inovasi sekaligus mewujudkan ekosistem kerjasama untuk mencapai keunggulan global (Bukti 2.2a).

Matlamat ini meningkatkan kesalinghubungan diantara agensi kerajaan, IPT, industri dan komuniti yang akan meningkatkan kualiti penyelidikan dan keberhasilan. Ini selaras dengan 20 Lonjakan Hala Tuju KPT 2024 melalui Landasan 4 - Sektor pendidikan tinggi untuk peningkatan kapasiti individu dan peluang mempertingkat tahap sosioekonomi keluarga dan penggerak ekonomi negara; Landasan 10 - Jalinan kerjasama bermakna antara institusi dengan pihak industri, dan; Landasan 11 - Tanggungjawab KPT untuk membangunkan bakal warga, memberdayakan komuniti dan industri melalui program pemindahan dan perkongsian ilmu (Bukti 2.2a).

Pemetaan PS yang diperoleh daripada Bahagian Transformasi Universiti (BTU) disesuaikan dengan **Model Jaringan Lestari** UiTMCT seiring langkah UiTM mendepani enam (6) fokus Kebolehpasaran Global (*Globally Marketable*) yang disasarkan dalam Amanat Naib Canselor 2024 menjelang status Universiti Terkemuka Dunia (*Globally Renowned University*) 2025. **Perancangan strategik JI&K** diperkukuhkan melalui Amanat Rektor 2024 yang menekankan **Projek Visibiliti & Imej Kampus (Ketampakan), Penjanaan Nilai, Agropreneur dan Expertise Coaching Program** yang dirangkum dalam sepuluh (10) Projek Khas 2024 dan digunakan di UiTMCT termasuk di kampus satelit. Mendepani Fasa Transformasi Makro UiTM2025 meletakkan inisiatif kerangka strategik 6 Tonggak Utama Universiti melalui kolaborasi organisasi seperti kerajaan negeri, industri, komuniti, alumni di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa (Bukti 2.2b).

Pengurusan Kanan berusaha memastikan kesinambungan JI&K dalam kalangan warga dipertingkatkan **melalui strategi Model Jaringan Lestari** dipelbagai peringkat sama ada kebangsaan atau antarabangsa berdasarkan konsep ADLI yang merangkumi PS, Operasi dan Keberhasilan JI&K, Pengukuran, dan Pelaksanaan oleh warga. Perancangan diagihkan oleh Penyelaras Strategi dan Transformasi Universiti (PSTU) selepas dipinda mengikut kekuatan kepada warga agar efisiensi dapat dipertingkat (Bukti 2.2c). Pelbagai projek dilaksanakan bagi mencapai hasrat model ini seperti Santuni Masyarakat: Mengangkat Kelestarian Melalui Geran Komuniti 2024, Alumni Synergy: Memperkasa Jaringan Melalui Aktiviti Sosial dan Kolaboratif 2024, MoU dan MoA di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti Pusat Sains & Kreativiti Terengganu, Yayasan Inovasi Malaysia, Institusi Agama Islam (IAI) Padang Lawas, Sumatera Utara, Indonesia, MyNEXT Internship Marketweek X CESF'24, Smart Agro-Solarpreneur Programme, Bank Rakyat Unipreneur 4.0 (Bukti 2.2d). Terdapat tiga keberhasilan daripada model ini iaitu menjurus kepada kelestarian Strategi, Operasi dan Kewangan yang melibatkan fokus Penjimatan & Penjanaan, Visibiliti & Imej Kampus, dan Kecemerlangan Warga. Aktiviti JI&K diketengahkan melalui mesyuarat seperti Majlis Amanat Rektor, JKEN Khas – PS, dan media digital seperti Lensa UiTM *Facebook*, dan *Instagram* bagi meningkatkan kecaknaan warga (Bukti 2.2e).

SENARAI BUKTI:

1. [K0024_P01_PB02_20251_UiTMCT 2.2a PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)
2. [K0024_P01_PB02_20252_UiTMCT 2.2b PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)
3. [K0024_P01_PB02_20253_UiTMCT 2.2c PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)
4. [K0024_P01_PB02_20254_UiTMCT 2.2d PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)
5. [K0024_P01_PB02_20255_UiTMCT 2.2e PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pelaksanaan penyebarluasan PS UiTMCT 2020-2025 merangkumi **peringkat UiTM** serta **disebarluas** ke peringkat **antarabangsa, kebangsaan, dan UiTMCT** melalui penglibatan warga dalam inisiatif **10 Projek Khas** yang selaras dengan Hala Tuju UiTMCT, PS UiTMCT 2020-2025 serta Objektif Kualiti UiTMCT (Bukti 2.3a). Pengurusan Kanan UiTMCT komited memastikan PS UiTMCT 2020-2025 difahami warga kampus, termasuk pemegang taruh (industri, Kerajaan Negeri, komuniti, rakan strategik, agensi luar, ibu bapa pelajar) melalui pelbagai aktiviti. Seiring perkembangan era digital, penyampaian maklumat PS diperluas melalui **platform rasmi** UiTMCT (e-mel) (Bukti 2.3a) dan media sosial UiTMCT (seperti *Facebook, Instagram, TikTok, dan Telegram Group*) sebagai rujukan hala tuju strategik berteraskan **Model Jaringan Lestari**.

Penyebarluasan PS UiTMCT 2020-2025 di **peringkat antarabangsa** diperkukuh melalui **ucapan perasmian** oleh Rektor UiTMCT dalam **persidangan antarabangsa** seperti 4th Global Research Conference (GRaCe) 2024 (Bukti 2.3b), pelaksanaan **aktiviti inbound dan outbound**, serta pemeterian **MoU/MoA** bersama rakan strategik antarabangsa seperti Universitas Sumatera Utara (USU) dan Universitas Islam Negeri Salatiga (UIN Salatiga) (Bukti 2.3b) yang seterusnya memperluas JI&K UiTMCT. Visibiliti UiTMCT dalam agenda **pengantarabangsaan** terserlah apabila **aktiviti outbound pelajar** disiarkan melalui **laman web rasmi universiti di Indonesia** (Bukti 2.3b), selari dengan penekanan Lestari JI&K Strategik.

Di **peringkat kebangsaan, penyebarluasan** aktiviti JI&K UiTMCT yang selaras dengan PS UiTMCT 2020-2025 diperkukuhkan melalui **kerjasama strategik** bersama Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (APPGM), Maybank, Pusat Sains Kreativiti Terengganu, Yayasan Diraja Sultan Mizan, dan Good Virtue & Co (Bukti 2.3c). UiTMCT turut menjalinkan kolaborasi bersama MTDC melalui program Agropreneur seperti projek Smart Agro-Solarpreneur dan Unipreneur 4.0. Inisiatif pembelajaran berimpak tinggi seperti Service Learning Malaysia – University for Society (SULAM) dan Collaborative Group Collaborative Teaching (CGCT) (Bukti 2.3c) merencanakan penglibatan industri dalam aktiviti Pengajaran & Pembelajaran serta pelaksanaan Program Pemindahan Pengetahuan (KTP) dengan projek seperti Bizboost: Empowering Single Mothers Business Through Photography and Videography Rahmah, Kelulut Farming in Honey Production for the Economic Improvement of the B40 Group dan Pendidikan Pencegahan Dadah turut memberi impak kepada komuniti dan industri. **Kerjasama alumni** menambah nilai kepada rangkaian strategik UiTMCT sekaligus memperkukuh kedudukan institusi dalam bidang JI&K berimpak tinggi.

Penyebarluasan PS UiTMCT 2020-2025 turut dilaksanakan **secara bersemuka dan digital** kepada kumpulan sasaran iaitu Pengurusan Kanan, staf, dan pelajar bagi memastikan matlamat strategik difahami seluruh **warga UiTMCT**. Bagi Pengurusan Kanan UiTMCT, penyebarluasan dilaksanakan melalui **mesyuarat dalaman** seperti Mesyuarat Bahagian/Unit, Mesyuarat JKEN Khas - PS, MKSP, dan Bengkel Perancangan Strategik (Bukti 2.3d). Bagi staf UiTMCT, penyebarluasan dilakukan melalui Majlis Amanat Rektor 2024, Amalan Rektor Turun Padang, Program Sambutan Raya 2024, dan e-mel rasmi (Bukti 2.3e). Manakala, bagi **pelajar**, maklumat matlamat strategik UiTMCT disebarluas melalui ucapan perasmian oleh Rektor UiTMCT dalam penganjuran aktiviti pelajar berimpak tinggi yang melibatkan skala penyertaan pelajar yang besar (Bukti 2.3e). Rektor UiTMCT memastikan penyebarluasan maklumat PS dan hala tuju UiTMCT 2024 dilaksanakan secara sistematik dan berfokus di semua peringkat, dan keberkesanan aktiviti sebarluas dibuktikan melalui pencapaian PI JI&K dan anugerah yang digondol UiTMCT 2024, sekaligus mengukuhkan aspirasi PS UiTMCT 2020-2025 berfokuskan **Model Jaringan Lestari** sejajar dengan matlamat RMK12.

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_P01_PB03_20251_UiTMCT 2.3a PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)
2. [K0024_P01_PB03_20252_UiTMCT 2.3b PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)
3. [K0024_P01_PB03_20253_UiTMCT 2.3c PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)
4. [K0024_P01_PB03_20254_UiTMCT 2.3d PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)
5. [K0024_P01_PB03_20255_UiTMCT 2.3e PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan pelaksanaan PS UiTMCT 2020-2025 dilaksanakan secara sistematik melalui **pengumpulan data, analisis hasil pemantauan, dan penambahbaikan berterusan** bagi memastikan inisiatif strategik JI&K tercapai. Risiko dikenal pasti berdasarkan Buku Cakna Risiko: Strategik oleh Unit Risiko, UiTM (Bukti 2.4.1a). Pada tahun 2024, sebanyak 10 Projek Khas telah dilaksanakan dan risiko dikenal pasti oleh Pelaksana mengikut garis panduan Buku Cakna Risiko serta maklum balas pelanggan sebagai wakil kumpulan sasar utama, sebelum **dikumpulkan** oleh Penyelaras Unit Risiko di bawah Pejabat Rektor. Pengurusan Kanan UiTMCT menilai risiko melalui **analisa pencapaian PI** dan data pemantauan pelanggan seperti yang digariskan dalam Manual Kualiti (Bukti 2.4.1a).

Bagi memastikan sasaran PS JI&K tercapai, **pemantauan** dilaksanakan melalui **mesyuarat dalaman, laporan pencapaian objektif kualiti unit PS, pelaporan status pencapaian projek** (Bukti 2.4.1b) dan **pemakluman e-mel** pencapaian PI (Bukti 2.4.1c) dilaksanakan bagi memantau pelaksanaan 10 Projek Khas. Unit Strategik dan Transformasi Universiti (USTU) turut menyediakan carta alir pemantauan selari dengan fungsinya (Bukti 2.4.1d). PS UiTMCT 2024 menjadi dokumen rujukan utama bagi setiap projek inisiatif, manakala sistem e-SAP digunakan untuk memantau projek didaftarkan, khususnya JI&K.

Selain itu, **pemantauan secara bersemuka** juga dilaksanakan melalui Mesyuarat JKEN Khas - PS setiap tiga bulan yang melibatkan Pelaksana dan Pengurusan Kanan UiTMCT, serta MKSP di peringkat Ketua Fakulti/Bahagian/Unit sebagai kumpulan sasar dalaman (Bukti 2.4.1e). Pemantauan berkala dan penggunaan pelbagai platform membolehkan Pengurusan Kanan UiTMCT memastikan sasaran PI dan PS UiTMCT dilaksanakan dengan berkesan. Seiring dengan matlamat PS UiTMCT 2020-2025 yang berfokus kepada **Model Jaringan Lestari**, pendekatan Lestari JI&K Strategik diterapkan agar jaringan strategik yang dibina kekal mampan serta memberi impak berterusan kepada universiti, industri, komuniti, dan pemegang taruh sebagai kumpulan sasar yang sentiasa terlibat dalam proses perancangan dan **penambahbaikan** secara berterusan.

SENARAI BUKTI:

1. [K0024_P01_PB04_PC01_20251_UiTMCT 2.4.1a PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)
2. [K0024_P01_PB04_PC01_20252_UiTMCT 2.4.1b PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)
3. [K0024_P01_PB04_PC01_20253_UiTMCT 2.4.1c PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)
4. [K0024_P01_PB04_PC01_20254_UiTMCT 2.4.1d PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)
5. [K0024_P01_PB04_PC01_20255_UiTMCT 2.4.1e PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTMCT menitikberatkan pengurusan risiko PS bagi memastikan matlamat yang disasarkan dan objektif kualiti cawangan dapat dicapai melalui Mesyuarat JKEN Khas - PS. Risiko pelaksanaan strategi keusahawanan dikategorikan kepada mengenalpasti punca risiko dan kaedah kawalan risiko seperti pengurusan projek dan inisiatif strategik, risiko tadbir urus seperti perancangan dan pemantauan projek, dan inisiatif strategik yang tidak dapat dijalankan dengan berkesan, serta risiko reputasi seperti risiko pelucutan pengiktirafan badan professional. Kategori risiko berdasarkan glosari risiko UiTM2025 (Bukti 2.4.2a) yang diisi dalam templat Strategic Action Plan (SAP) (Bukti 2.4.2b). UiTMCT **mengenalpasti dan mengemaskini risiko setiap projek** semasa mesyuarat pengurusan risiko yang dikategori mengikut jenis risiko, perihal risiko, tahap risiko dan memutuskan pelan mitigasi bagi risiko-risiko berkenaan.

Kaedah pengurusan risiko dikemaskini melalui borang analisa risiko bagi memudahkan tindakan pencegahan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan efektif (Bukti 2.4.2c). Unit Pengurusan Risiko (UPR) dipertanggungjawabkan untuk memastikan setiap risiko **didaftarkan** dalam Sistem Pengurusan Risiko (e-RMS) oleh Koordinator UPR UiTMCT. Setiap risiko dinilai serta dianalisa dan seterusnya tindakan penambahbaikan akan dibentangkan di MKSP (Bukti 2.4.2d).

Risiko yang dikenalpasti juga dibentangkan dalam mesyuarat Unit Pengurusan Risiko (UPR) untuk disahkan dan **didaftarkan** dengan UPR UiTMCT melalui Sistem Pengurusan Risiko (e-RMS) oleh Koordinator UPR UiTMCT dan diikuti dengan pembentangan di MKSP. Usaha menerapkan nilai amanah juga diterapkan kepada pemilik projek agar risiko program dapat dikurangkan ke tahap minimum (Bukti 2.4.2e).

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_P01_PB04_PC02_20251_UiTMCT 2.4.2a PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)
2. [K0024_P01_PB04_PC02_20252_UiTMCT 2.4.2b PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)
3. [K0024_P01_PB04_PC02_20253_UiTMCT 2.4.2c PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)
4. [K0024_P01_PB04_PC02_20254_UiTMCT 2.4.2d PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)
5. [K0024_P01_PB04_PC02_20255_UiTMCT 2.4.2e PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pelaksanaan nilai amanah kepada Pengurus Projek (*Tier 1*) yang dilantik merupakan **satu tindakan efektif dan efisien** dalam menyelia pelaksanaan projek dibawah seliaan masing-masing. Pengurus Projek mengetuai proses pelaporan pelaksanaan setiap projek yang dilakukan secara berkala dengan mengisi templat yang dibekalkan oleh Pengurusan Keusahawanan. Pemantauan akan dijalankan setiap suku tahun dimana setiap projek disasarkan akan meningkat 25%. **Penganalisaan data** berpandukan kepada peratusan kemajuan yang dipantau melalui model lampu isyarat dengan menggunakan warna (merah: 0%-49%, kuning: 50%-99% dan hijau: 100%) yang boleh dicetak melalui sistem *University Electronic Programme Management Office* (UePMO) (Bukti 2.4.3a). Pasukan pelaksana (*Tier 2*) pula akan mengadakan mesyuarat khusus bagi membincangkan **tindakan penambahbaikan** seperti penambahan fasiliti, infrastruktur, prosedur piawai/*standard*, dan proses kerja.

Bagi melicinkan proses **pengumpulan data** dan laporan akhir projek, Penyelaras STU telah melantik *Person-in-Charge* (PiC) bagi Pengurusan dan *Record Keeping* Kertas Kerja Unit dan Bahagian. Lantikan ini adalah untuk membantu UiTMCT mengenalpasti dan merekodkan kertas-kertas kerja aktiviti yang diluluskan (Bukti 2.4.3b & Bukti 2.4.3c) dan mempunyai elemen penglibatan komuniti, alumni dan industri (Bukti 2.4.3d). Selain itu juga, setiap PiC dan ketua-ketua projek diberikan watak sebagai tanda amanah dalam menjalankan tugas yang telah dicadangkan oleh bahagian dan unit masing-masing untuk tahun semasa (Bukti 2.4.3e). **Analisa** pencapaian hasil dilaporkan dan **dibentangkan** dalam Mesyuarat JKEN Khas - PS dan MKSP. Setiap hasil pencapaian PS akan dilaporkan dan **dikongsikan kepada warga** secara berkala oleh Penyelaras STU setiap tiga bulan secara e-mel dan media sosial (*WhatsApp dan Telegram*).

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_P01_PB04_PC03_20251_UiTMCT 2.4.3a PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)
2. [K0024_P01_PB04_PC03_20252_UiTMCT 2.4.3b PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)
3. [K0024_P01_PB04_PC03_20253_UiTMCT 2.4.3c PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)
4. [K0024_P01_PB04_PC03_20254_UiTMCT 2.4.3d PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)
5. [K0024_P01_PB04_PC03_20255_UiTMCT 2.4.3e PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Perancangan strategik JI&K **dibudayakan** sehingga ke **peringkat antarabangsa** agar JI&K dapat dilestarikan. Dalam pelaksanaan PS UiTMCT, input risiko dan maklum balas pelanggan dijadikan asas penambahbaikan bagi memastikan sasaran tercapai. Maklum balas pelanggan yang dikumpul secara digital (Bukti 2.5a) memudahkan pengumpulan serta pemprosesan data, seterusnya melahirkan inovasi Pelan Tindakan Strategik UiTMCT 2024.

Melalui inovasi Pendigitalan Pelan Tindakan Strategik UiTMCT 2024, ia berperanan sebagai rujukan utama PS UiTMCT dengan menyediakan maklumat berkaitan projek Jaringan Industri dan Keusahawanan serta strategi untuk mencapai sasaran PI (Bukti 2.5b). **Inisiatif pembudayaan JI&K** bersama **pemegang taruh** telah dipetakan dalam pelan ini menerusi Program Kitar Semula 3R & e-Waste 2024 (Jaringan Industri) dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu dan Projek Smart Agro-Solarpreneur (Keusahawanan) dengan pembiayaan oleh Malaysian Technology Development Corporation (MTDC), yang dirangka selari dengan sasaran PI dan strategi bagi membimbing Pelaksana mencapai sasaran PS (Bukti 2.5c).

Projek-projek seperti ini membuka ruang kepada UiTMCT untuk mengadakan **lawatan penanda aras di peringkat antarabangsa dan kebangsaan** membuka ruang UiTMCT untuk mempelajari amalan terbaik dari organisasi lain, khususnya berkaitan prestasi, proses, atau strategi. Selain lawatan penanda aras daripada UiTMCT, pihak luar sebagai pemegang taruh juga mengadakan kunjungan ke UiTMCT dalam bentuk lawatan penanda aras ataupun **program inbound** yang memberi peluang proses saling berkongsi ilmu seperti lawatan pelajar dari Karpagam Academy of Higher Education (KAHE) dari India melalui program Inspiring Journey: Bridging Gaps, Empowering Future (Bukti 2.5d).

Selain itu, UiTMCT menerima **pengiktirafan** dan anugerah hasil daripada keberkesanan PS UiTMCT yang dirancang dan dilaksanakan dengan **sistematik** telah membawa kepada pencapaian cemerlang dalam **Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU) 2024**. Antara pengiktirafan yang diterima oleh UiTMCT ialah **Anugerah Transformasi Kecemerlangan Globally Respected 2024: Pillar 2 (Turning Globally Respected Student)** dan **Anugerah Transformasi Kecemerlangan Penajaan Pendapatan 2024** (Bukti 2.5e).

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_P01_PB05_20251_UiTMCT 2.5a PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)
2. [K0024_P01_PB05_20252_UiTMCT 2.5b PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)
3. [K0024_P01_PB05_20253_UiTMCT 2.5c PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)
4. [K0024_P01_PB05_20254_UiTMCT 2.5d PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)
5. [K0024_P01_PB05_20255_UiTMCT 2.5e PERANCANGAN STRATEGIK.pdf](#)

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCT telah melaksanakan pendekatan strategik **berasaskan elemen pendekatan, perluasan, pembelajaran dan integrasi (ADLI)** dalam bidang tumpuan Jaringan Industri & Keusahawanan (JI&K). **Model Jaringan Lestari** telah menjadi kerangka strategik yang menyelaras pelbagai inisiatif melibatkan **pelanggan** seperti pelajar, staf, industri, komuniti, alumni dan agensi luar.

Perancangan dan pendekatan dirangka secara bersistematik oleh Pengurusan Kanan dengan mengambil kira elemen penilaian, penambahbaikan dan inovasi. Perancangan ini berlandaskan Hala Tuju KPT 2024 dan Pelan Strategik UiTM 2025. Bidang tumpuan telah disasarkan kepada JI&K. ICAN memberi fokus kepada kerjasama dengan industri, agensi luar dan alumni melalui MoU/MoA, projek strategik serta latihan industri. MASMED pula menekankan pembangunan ekosistem keusahawanan dengan menyediakan peluang niaga, pertandingan serta bimbingan oleh staf akademik dan alumni. Perancangan ini menjamin hala tuju universiti yang konsisten dan berimpak tinggi.

Pelaksanaan di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan UiTM telah diterjemahkan melalui pengurusan data yang teratur serta pelaksanaan aktiviti berimpak. Data pelanggan disimpan menggunakan sistem SMART, NILAMs, MyAlumni, PRIME, MyENT dan Google Drive bagi memastikan maklumat sentiasa kemas kini dan boleh dianalisis. Aktiviti yang dijalankan termasuk khidmat masyarakat, program pembangunan komuniti, pertandingan keusahawanan dan projek kerjasama industri. Antara contoh pelaksanaan ialah Projek Minimart MASMED, Program SAFE Talk bersama CelcomDigi dan Projek Agro-Solarpreneur yang memberi pengalaman praktikal kepada pelajar.

Pemantauan dilakukan bagi menilai keberkesanan program serta **tahap kepuasan pelanggan**. Mekanisme yang digunakan adalah seperti sistem e-Aduan, borang kaji selidik, maklum balas media sosial, laporan program serta mesyuarat jawatankuasa. **Penganalisan** dibuat terhadap maklumbalas kepuasan agar tindakan penambahbaikan dapat dilaksanakan. Hasil pemantauan membuktikan keberkesanan pelaksanaan dengan kejayaan memperoleh Anugerah Transformasi Penjana Pendapatan, pengiktirafan inovasi serta sokongan padu daripada alumni. Kejayaan ini meningkatkan kebolehpasaran graduan dan memperkukuh reputasi universiti.

Tindakan Penambahbaikan terhadap maklumbalas pelanggan dijalankan berdasarkan dapatan pemantauan dan risiko yang dikenal pasti. Risiko strategik seperti ketidakselarasan kerjasama industri serta risiko projek seperti kelemahan data alumni ditangani dengan melantik pegawai penghubung, membangunkan sistem data berpusat dan menyediakan saluran maklum balas rasmi. Sistem e-Aduan Korporat, Fasiliti dan ICT diwujudkan untuk meningkatkan kecekapan tindak balas. Semua maklum balas dianalisis dan dibincangkan dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) bagi memastikan penambahbaikan berterusan.

Pembudayaan JI&K ini telah mampu memberi kejayaan kepada UiTMCT **membina rangkaian hubungan pelanggan** yang lestari sehingga mendapat pengiktirafan dan anugerah di peringkat antarabangsa dan kebangsaan melalui pencapaian PI yang telah disasarkan seperti PI080 dan PI085.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Perancangan telah dibuat **secara sistematik** dengan mengambilkira **elemen penilaian, penambahbaikan dan inovasi**. **Model Jaringan Lestari** adalah selaras dengan 20 Landasan Hala Tuju KPT 2024, khususnya Landasan 4: Mempertingkatkan Tahap Sosio-Ekonomi Keluarga dan Penggerak Ekonomi Negara serta Landasan 10: Jalinan Kerjasama dengan Pihak Industri. Pendekatan ini turut seiring dengan Tema Strategik dalam Pelan Strategik UiTM 2025 ke arah Globally Renowned University, iaitu Graduan Seimbang & Berciri Keusahawanan dan Perkongsian Pintar Industri, Komuniti & Alumni.

Hal ini telah dizahirkan melalui Amanat Rektor 2024 (Bukti 3.2a), diikuti dengan **inovasi** melalui pelaksanaan **Projek Khas UiTMCT 2024** yang memberi tumpuan khusus kepada JI&K di bawah penyelarasan Penolong Rektor Kampus Kuala Terengganu (Bukti 3.2b). Perancangan perkhidmatan turut berpandukan kepada Objektif Kualiti UiTMCT 2020-2025 serta Objektif Kualiti PJI 2020-2025 bagi memastikan hala tuju yang jelas, konsisten dan berimpak tinggi (Bukti 3.2c).

Bagi bidang tumpuan Jaringan Industri, ICAN memberi fokus kepada lima kumpulan sasaran utama. **Staf akademik** dilibatkan melalui program SULAM dan pengajaran kolaboratif bagi mengintegrasikan elemen industri ke dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. **Komuniti dan masyarakat** pula didekati melalui program khidmat masyarakat, projek pembangunan komuniti serta aktiviti pemindahan ilmu bagi meningkatkan kesejahteraan sosial, memperkukuh peranan universiti sebagai rakan pembangunan, dan memberi impak positif kepada masyarakat. Dari aspek **industri**, kerjasama diperkukuh melalui pelaksanaan projek strategik, penyelidikan dan penerbitan bersama, latihan industri serta pemeteraian MoU/MoA yang membuka peluang pasaran, meningkatkan kebolehpasaran graduan, dan menggalakkan pemindahan teknologi serta inovasi. Seterusnya, kerjasama dengan **agensi luar**, sama ada antarabangsa mahupun kebangsaan, dijalinan melalui program pertukaran, geran bersama dan jaringan strategik lain, sekali gus meningkatkan visibiliti dan penjenamaan UiTMCT. Selain itu, **alumni** turut memainkan peranan penting dengan terlibat dalam aktiviti jaringan industri mengikut latar belakang kerjaya mereka, bagi mengekalkan hubungan baik dengan universiti, menyediakan peluang bimbingan serta rangkaian pekerjaan, sekaligus menyokong peningkatan kadar kebolehpasaran graduan (Bukti 3.2d).

Bagi bidang tumpuan Keusahawanan pula, MASMED memberi tumpuan kepada beberapa kumpulan sasaran utama. **Pelajar** diberi pendedahan dan penglibatan aktif dalam projek keusahawanan berskala kecil di kampus melalui penyediaan lot niaga serta penyertaan dalam pertandingan keusahawanan. **Staf akademik** pula dimanfaatkan kepakaran mereka sebagai pakar rujuk dalam membimbing serta memperkasa usahawan pelajar dan komuniti. Seterusnya, **komuniti dan industri** turut menjadi kumpulan sasaran dengan perluasan kerjasama strategik, kolaborasi projek dan pemeteraian MoU/MoA/Lol bagi menyokong ekosistem keusahawanan serta membuka peluang pasaran. Selain itu, **alumni** juga dilibatkan secara aktif dalam program keusahawanan sebagai mentor, penceramah atau rakan strategik untuk melahirkan graduan yang seimbang dari segi kemahiran dan kebolehpasaran (Bukti 3.2e).

Keseluruhannya, penilaian, penambahbaikan dan inovasi telah diambilkira dan berjaya dilaksanakan berasaskan **Model Jaringan Lestari** sepanjang tahun 2024. Perancangan yang sistematik oleh Pengurusan Kanan mencerminkan komitmen tinggi universiti dalam membina jaringan industri dan keusahawanan yang mampan. Usaha ini bukan sahaja memperkukuh hubungan strategik bersama industri, komuniti, agensi luar dan alumni, malah turut membuka lebih banyak peluang kolaborasi, penyelidikan serta pembangunan bakat pelajar.

SENARAI BUKTI:

1. [K0024_T01_TB02_20251_UiTMCT 3.2a TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)
2. [K0024_T01_TB02_20252_UiTMCT 3.2b TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)

3. [K0024_T01_TB02_20253_UiTMCT 3.2c TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)
4. [K0024_T01_TB02_20254_UiTMCT 3.2d TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)
5. [K0024_T01_TB02_20255_UiTMCT 3.2e TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)
6. [K0024_T01_TB02_20251_UiTMCT 3.2a TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)
7. [K0024_T01_TB02_20252_UiTMCT 3.2b TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)
8. [K0024_T01_TB02_20253_UiTMCT 3.2c TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)
9. [K0024_T01_TB02_20254_UiTMCT 3.2d TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)
10. [K0024_T01_TB02_20255_UiTMCT 3.2e TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pelaksanaan pengumpulan data adalah meliputi keseluruhan kampus UiTMCT iaitu Dungun, Kuala Terengganu dan Bukit Besi. Pengurusan Kanan komited dalam memastikan pengurusan data pelanggan **Model Jaringan Lestari** dilaksanakan secara teratur dan berkesan. Pengurusan Kanan memberikan penekanan terhadap kaedah pengumpulan data yang sistematik bagi menjamin ketepatan maklumat JI&K.

Bagi bidang tumpuan **Jaringan Industri, proses pengumpulan, penyimpanan, dan pengecaman data pelanggan** dilaksanakan secara sistematik oleh ICAN bagi memastikan maklumat sentiasa terkini, lengkap, serta mudah dicapai. Dalam usaha ini, enam kaedah utama telah diguna pakai untuk menguruskan data dengan lebih efisien. Antaranya ialah penggunaan **Sistem SMART**, iaitu sistem pengurusan data dan dokumen berpusat yang menjamin capaian maklumat dilakukan secara tersusun dan selamat (Bukti 3.3a). Selain itu, **NILAMs** turut digunakan sebagai sistem pengurusan dokumen perundangan UiTM yang merangkumi pemprosesan, pentadbiran, pendokumentasian rasmi, serta penyediaan jejak audit (Bukti 3.3b). Seterusnya, **MyAlumni Virtual Card System** berperanan sebagai platform khas alumni UiTM bagi tujuan pengesahan identiti serta pemberian akses kepada pelbagai tawaran eksklusif.

Di samping itu, **data** berkaitan **aktiviti khidmat masyarakat, program komuniti** dan program **SULAM** disimpan melalui **Sistem PRIME**, manakala **Google Sites** dijadikan medium capaian maklumat dalam talian untuk perkongsian data serta rujukan yang lebih mudah dan teratur (Bukti 3.3c). Sebagai instrumen awal, **Google Form** dan **Google Drive** turut digunakan bagi tujuan pengumpulan data sebelum maklumat berkenaan dipindahkan serta direkodkan secara rasmi dalam sistem utama. Pendekatan bersepadu ini bukan sahaja memastikan keberkesanan proses pengurusan data pelanggan, malah menyokong keperluan pemantauan, analisis, dan penambahbaikan berterusan dalam bidang tumpuan Jaringan Industri.

Bagi bidang tumpuan **Keusahawanan**, proses **pengumpulan, penyimpanan dan pengecaman data pelanggan** di UiTMCT dilaksanakan oleh MASMED melalui beberapa kaedah yang sistematik. Pertama, penggunaan **Google Drive** dijadikan sebagai pangkalan data rasmi yang menyimpan pelbagai dokumen termasuk kertas kerja, data projek, rekod aktiviti, laporan akhir, maklumat prestasi serta penilaian risiko. Penyimpanan berpusat ini memudahkan capaian, mempercepatkan perkongsian dokumen, dan memastikan kawalan versi yang lebih teratur (Bukti 3.3d). Kedua, MASMED mengaplikasikan **Sistem MyENT (MASMED Young Entrepreneur)**, iaitu satu sistem khusus yang menguruskan profil dan pendaftaran perniagaan pelajar UiTM. Melalui sistem ini, maklumat perniagaan pelajar dapat direkodkan serta disusun sepanjang tempoh pengajian, dan boleh diakses secara mudah melalui portal MyStudent UiTM (Bukti 3.3e). Selain itu, **Google Excel** turut digunakan sebagai medium bagi merekod, menyusun, dan menganalisis data pelanggan serta usahawan pelajar. Semua rekod yang dimasukkan dalam Google Excel dipautkan ke Google Drive, sekali gus memastikan penyimpanan berpusat, kemaskini data yang lebih efisien, serta rujukan yang lebih sistematik.

Secara keseluruhannya, **proses perekodan dan pengurusan data JI&K** oleh ICAN dan MASMED telah dilaksanakan secara **konsisten dan berkala** sepanjang tahun 2024 melalui penggunaan sistem dan platform rasmi yang telus dan mudah diakses. Pendekatan bersepadu antara ICAN dan MASMED dalam aspek penyimpanan, pengecaman, serta analisis data telah memastikan pemantauan dan pelaporan pencapaian Petunjuk Prestasi UiTMCT dapat dilakukan dengan lebih tepat dan efisien. Keupayaan ini sekaligus menyokong perancangan strategik serta usaha penambahbaikan berterusan universiti pada tahun-tahun seterusnya.

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_T01_TB03_20251_UiTMCT_3.3a_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)
2. [K0024_T01_TB03_20252_UiTMCT_3.3b_TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)

-
3. [K0024_T01_TB03_20253_UiTMCT 3.3c TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)
 4. [K0024_T01_TB03_20254_UiTMCT 3.3d TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)
 5. [K0024_T01_TB03_20255_UiTMCT 3.3e TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)
 6. [K0024_T01_TB03_20251_UiTMCT 3.3a TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)
 7. [K0024_T01_TB03_20252_UiTMCT 3.3b TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)
 8. [K0024_T01_TB03_20253_UiTMCT 3.3c TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)
 9. [K0024_T01_TB03_20254_UiTMCT 3.3d TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)
 10. [K0024_T01_TB03_20255_UiTMCT 3.3e TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Berteraskan **Model Jaringan Lestari**, UiTMCT terus **melaksanakan** pelbagai inisiatif dalam bidang JI&K bagi menyokong matlamat strategik universiti. Usaha ini bukan sahaja meningkatkan kualiti kebolehpasaran pelajar, malah memperkukuh hubungan universiti dengan industri serta komuniti.

Antara program utama yang memberi **impak positif** kepada pelajar ialah Projek MINIMART MASMED yang menyediakan pengalaman praktikal dalam penjualan dan pembungkusan produk bermusim. Selain itu, penganjuran SAFE Talk bersama CelcomDigi turut memberi kesedaran mengenai kepentingan keselamatan siber dalam perniagaan digital. Kedua-dua inisiatif ini memperkayakan pengetahuan dan kemahiran pelajar untuk bersaing dalam pasaran global (Bukti 3.4.1a). Hasil daripada pelaksanaan aktiviti JI&K, UiTMCT telah menerima beberapa **ganjaran dan pengiktirafan** penting. Melalui Program Bank Rakyat Unipreneur 4.0, pelajar berjaya memperoleh pembiayaan sebanyak RM3,000 serta Anugerah Inovasi bernilai RM100. UiTMCT juga telah dianugerahkan Anugerah Transformasi Kecemerlangan Penjana Pendapatan 2024 pada Majlis Anugerah Kecemerlangan Prestasi Universiti (AKPU2024) sebagai pengiktirafan terhadap usaha menjana pendapatan secara berinovasi. Selain itu, sokongan padu alumni turut dizahirkan melalui Anugerah Sumbangan Alumni Terbanyak 2024 sekali gus membuktikan keterlibatan dan komitmen mereka terhadap pembangunan universiti (Bukti 3.4.1b).

Pemantauan pelaksanaan dan keberkesanan setiap program akan dibuat melalui aduan yang diterima, contoh melalui Facebook rasmi UiTM, kaunter khidmat pelanggan dan sistem aduan UiTM, selain itu borang kaji selidik aktiviti juga digunapakai bagi menilai kepuasan pelajar, industri, dan alumni terhadap aktiviti yang dilaksanakan. Seterusnya setiap PIC program menyediakan laporan pencapaian dan cabaran yang dihadapi untuk dibentangkan kepada Pengurusan Kanan (Bukti 3.4.1c). **Dapatan dari hasil pemantauan** secara sistematik iaitu melalui pengumpulan laporan dapat memberi indikasi mengenai tahap pencapaian KPI dalam bidang tumpuan **dianalisa** dan dibentangkan kepada pihak Pengurusan Kanan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Induk Penjana Pendapatan UiTMCT, Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) (Bukti 3.4.1d) bagi tujuan penilaian prestasi serta cadangan penambahbaikan berterusan. Antara **penambahbaikan** yang diambil untuk memperkasakan jalinan MOU antara UiTM dengan industri ialah melaksanakan aktiviti yang berimpak (Bukti 3.4.1e).

SENARAI BUKTI:

1. [K0024_T01_TB04_TC01_20251_UiTMCT 3.4.1a TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)
2. [K0024_T01_TB04_TC01_20252_UiTMCT 3.4.1b TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)
3. [K0024_T01_TB04_TC01_20253_UiTMCT 3.4.1c TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)
4. [K0024_T01_TB04_TC01_20254_UiTMCT 3.4.1d TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)
5. [K0024_T01_TB04_TC01_20255_UiTMCT 3.4.1e TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Dalam konteks pelaksanaan aktiviti dalam bidang tumpuan, terdapat beberapa risiko yang berpotensi menjejaskan keberkesanan program serta boleh menimbulkan aduan daripada pelanggan, sama ada pelajar, industri, mahupun alumni. Antara risiko berkaitan dengan bidang tumpuan ialah: 1. Risiko strategik dan 2. Risiko projek. Kesemua **risiko didaftarkan** dalam sistem Sistem Pengurusan Risiko Elektronik (e-RMS) yang telah dibangunkan oleh Unit Pengurusan Risiko (UPR) Universiti Teknologi MARA, Shah Alam (Bukti 3.4.2a) yang kemudiannya **dinilai** dan **dianalisa** bagi membuat **tindakan pencegahan dan penambahbaikan**.

Risiko strategik merujuk kepada cabaran yang boleh menjejaskan pencapaian objektif dan halatuju UiTM. Dalam aspek kerjasama dengan industri, pencapaian sasaran bilangan Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA) baharu berdepan risiko ketidakselarasan antara keperluan industri dengan pendekatan universiti. Situasi ini boleh menimbulkan persepsi negatif bahawa kolaborasi tidak memberi nilai tambah atau gagal mencapai objektif yang diharapkan, sekali gus menjejaskan reputasi universiti di peringkat nasional dan antarabangsa. Sebagai **tindakan pencegahan** untuk mengurangkan risiko ini, pihak pengurusan melantik pegawai penghubung khusus (Focal Person) bagi setiap projek MoU dan MoA untuk memastikan penyelarasan yang lebih sistematik, di samping mengadakan **mesyuarat atau perjumpaan secara berkala bersama pihak industri** bagi membincangkan perkembangan projek secara telus selaras dengan prinsip tumpuan kepada pelanggan (Bukti 3.4.2b).

Risiko projek yang berkaitan dengan pelaksanaan aktiviti bersama alumni ialah ketiadaan kesinambungan program akibat kelemahan dalam pengurusan pangkalan data alumni. Risiko ini boleh menjejaskan keberkesanan projek yang dirancang, kerana tanpa maklumat terkini dan penglibatan berterusan, penyertaan alumni mungkin berkurangan dan objektif universiti untuk membina rangkaian sokongan strategik tidak tercapai. Sebagai **tindakan pencegahan dan penambahbaikan**, pihak pengurusan membangunkan **sistem data alumni berpusat** yang sentiasa dikemas kini serta menyediakan saluran rasmi untuk mengurus maklum balas dan aduan, contoh melalui penggunaan borang maklumbalas pelanggan yang disebarluaskan melalui pelbagai medium seperti emel rasmi dan Facebook. Tindakan ini akan meningkatkan keterlibatan alumni dan memastikan keberkesanan projek dapat dilestarikan (Bukti 3.4.2c).

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_T01_TB04_TC02_20251_UiTMCT 3.4.2a TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)
2. [K0024_T01_TB04_TC02_20252_UiTMCT 3.4.2b TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)
3. [K0024_T01_TB04_TC02_20253_UiTMCT 3.4.2c TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Model Jaringan Industri merangkumi pelanggan UiTMCT di kampus Dungun, Bukit Besi dan Kuala Terengganu yang terdiri daripada pelanggan dalaman iaitu staf akademik, staf sokongan dan pelajar. Manakala pelanggan luaran terdiri daripada Komuniti, Industri, Agensi Luar (Tempatan dan Antarabangsa), Pembekal dan Alumni. Seiring dengan Amanat Rektor 2024 yang menekankan tumpuan kepada pelanggan, UiTMCT komited dalam memastikan kepuasan pelanggan. Pelbagai **saluran** disediakan oleh UiTMCT melalui Unit Komunikasi Korporat (UKK) untuk **mengumpul** maklum balas berhubung apa jua perkara samada pertanyaan atau aduan umum, berkaitan fasiliti, ICT dan lain-lain. Saluran adalah merangkumi kaunter khidmat pelanggan, borang maklumbalas pelanggan, aplikasi e-aduan UiTM, saluran elektronik (emel, aplikasi WhatsApp, SMS), aplikasi media sosial (Facebook, Twitter, Instagram, Tiktok dan YouTube), melalui Kementerian Pengajian Tinggi, Biro Pengaduan Awam dan lain-lain (Bukti 3.4.3a).

Bagi tahun 2024, kesemua maklum balas telah **dikumpul**, diambil **tindakan** dengan **efisien** dan **efektif** dan **dianalisis** bagi tujuan **penambahbaikan**. Bagi memastikan jaringan lestari antara UiTMCT dan semua pelanggan, setiap **maklumbalas** **dikendalikan** secara **efisien** dimana UiTMCT mensasarkan **80% aduan diproses dalam masa tiga (3) hari** dari tarikh aduan diterima dan perkara ini telah tercapai bagi tahun 2024. Dua saluran yang merekodkan maklumbalas adalah kaunter khidmat pelanggan dengan 100% aduan diselesaikan dalam masa dua (2) hari dan Facebook rasmi UiTMCT dengan 80% aduan diselesaikan dalam masa tiga (3) hari (Bukti 3.4.3b). Pengendalian laporan maklumbalas ini dikendalikan dengan menggunakan carta alir pengurusan aduan UKK, UiTMCT (Bukti 3.4.3c). Bagi tujuan **penambahbaikan** berterusan, pelaporan dan analisa serta tindakan berkaitan maklum balas telah **dibentangkan** di dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) dan Mesyuarat Ketua Unit Pejabat Rektor yang seterusnya akan **disebarluaskan kepada warga** melalui Amanat Rektor UiTMCT, mesyuarat di setiap bahagian/ unit dan Amalan Rektor Turun Padang.

Merujuk khusus kepada JI&K, Pengurusan Kanan melalui BPJI telah melantik ‘Focal Person’ bagi setiap MoU/MoA bersama organisasi luar bagi tujuan **pengumpulan** data berkaitan untuk setiap jalinan kerjasama (Bukti 3.4.3d). Bagi memastikan kelestarian jaringan industri, maklumbalas daripada organisasi luar yang terlibat **dianalisa** dan seterusnya **dimaklumkan** semasa pertemuan kedua-dua pihak. Seterusnya, **penyedaran** hasil pencapaian kemudiannya akan dikongsikan kepada ketiga-tiga kampus melalui email rasmi Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (Bukti 3.4.3e).

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_T01_TB04_TC03_20251_UiTMCT 3.4.3a TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)
2. [K0024_T01_TB04_TC03_20252_UiTMCT 3.4.3b TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)
3. [K0024_T01_TB04_TC03_20253_UiTMCT 3.4.3c TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)
4. [K0024_T01_TB04_TC03_20254_UiTMCT 3.4.3d TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)
5. [K0024_T01_TB04_TC03_20255_UiTMCT 3.4.3e TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Tumpuan kepada pelanggan telah membantu keberhasilan JI&K seperti yang digariskan di dalam **Model Jaringan Lestari** (Bukti 3.5a). Amalan dan pembudayaan bukan sahaja di dalam UiTM tetapi juga **diperluaskan di peringkat luar UiTM**. Hasilnya, produktiviti dapat dipertingkatkan seterusnya objektif untuk memenuhi kepuasan pelanggan UiTMCT seiring dengan lapan (8) penekanan utama PS UiTM 2024 adalah tercapai.

Bagi **pelanggan dalaman**, penggunaan pelbagai platform aduan amat membantu dalam menyalurkan pandangan dan aduan untuk kebaikan UiTMCT. Bagi memastikan jaringan lestari bersama **pelanggan luar**, UiTMCT secara aktifnya membuat **penyebarluasan di peringkat luar UiTM** iaitu dengan membuat hantaran berkaitan aktiviti-aktiviti UiTMCT, kolaborasi dengan industri serta program pengantarabangsaan melalui saluran **media sosial rasmi UiTMCT** seperti Facebook, Instagram, Twitter, YouTube dan TikTok (Bukti 3.5b).

Pada tahun 2024, UiTMCT telah berjaya memperkukuhkan kerjasama alumni di bawah PI080 dimana UiTMCT telah berjaya merangkul Tempat Pertama bagi Kategori Graduan Bekerja di **Syarikat Multinasional dan Luar Negara (GE2024)**, Tempat ke-3 bagi Anugerah Kolaborasi Alumni Terunggul dan kategori sumbangan alumni tertinggi (Bukti 3.5c). Lebih membanggakan, UiTMCT berjaya menjalin jaringan lestari di **peringkat antarabangsa** antaranya dengan kehadiran pelajar antarabangsa ke UiTMCT melalui **program pertukaran budaya** pelajar-pelajar Gunma University, Japan dan UIN Salatiga, Indonesia bagi program “Malaysia Culinary Heritage Challenge 2024”, “International Cultural Engagement Programme 2024”, Program Keluarga Angkat Universiti Gunma, dan Heritage Academic Programme Lecture. Kesemua program ini telah berjaya memberi **impak** dalam **menyebarkan budaya tempatan** kepada **peserta antarabangsa** (Bukti 3.5d).

UiTMCT telah menjadi lokasi Bengkel “Asia Pacific Olympiad Championship and Sustainable Tourism” anjuran **United Nations Development Program (UNDP), Malaysia**. **Impak** program adalah **Visibiliti UiTMCT** dengan pelajar antarabangsa dan industri serta peluang-peluang jaringan dengan institusi antarabangsa. Selain itu, empat (4) pelajar UiTMCT telah terpilih untuk menjalani program latihan industri tajaan **Mandarin Oriental Doha** yang menyumbang kepada **impak pelajar berkemahiran tinggi** setanding negara luar, peningkatan **pembangunan bakat dan inovasi** pelajar, peningkatan **pengukuhan jaringan global & silang budaya** serta **penjenamaan** UiTMCT di peringkat global. Jaringan lestari antara komuniti juga berjaya diperluaskan ke peringkat antarabangsa melalui Program outbound mobility antara Fakulti Ekonomi dan Bisnes Universitas Sumatera Utara dan UiTMCT. Perpindahan ilmu untuk mengklon rumah kelulut kepada 13 penduduk kampung Medan telah berjaya meningkatkan sumber ekonomi penduduk. **Impak** pelaksanaan adalah berjaya memperkukuhkan **visibiliti** UiTMCT sebagai pusat penyelidikan kelulut di peringkat antarabangsa dan meningkatkan **kemahiran dan kepakaran staf UiTMCT di peringkat antarabangsa** (Bukti 3.5e).

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_T01_TB05_20251_UiTMCT 3.5a TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)
2. [K0024_T01_TB05_20252_UiTMCT 3.5b TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)
3. [K0024_T01_TB05_20253_UiTMCT 3.5c TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)
4. [K0024_T01_TB05_20254_UiTMCT 3.5d TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)
5. [K0024_T01_TB05_20255_UiTMCT 3.5e TUMPUAN KEPADA PELANGGAN.pdf](#)

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Data, maklumat dan aset pengetahuan merupakan faktor penting bagi meningkatkan prestasi keseluruhan organisasi UiTMCT selari dengan meletakkan Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K) sebagai fokus utama berdasarkan pendekatan kepada **Model Jaringan Lestari JI&K** melalui strategik, operasi dan kewangan bagi memperkasakan dan mencapai **Fokus UiTMCT 2020–2025** yang disasarkan menggunakan **pendekatan terancang dan sistematik bagi tujuan pemantauan, penambahbaikan dan penghasilan inovasi**.

Di UiTMCT, bahagian/unit bertanggungjawab menguruskan semua proses utama bermula dengan membuat **perancangan dan pendekatan** berdasarkan Perancangan Strategik (PS) UiTM 2024 dan Objektif Kualiti 2020-2025. Kesemua Petunjuk Prestasi (PI), data, statistik dan maklumat yang digunakan untuk mengukur prestasi secara khusus, memantau operasi serta pencapaian keseluruhan sistem ditentukan dan disemak oleh pihak pengurusan bagi melaksanakan pembangunan dan penambahbaikan yang berterusan. Seterusnya pelaksanaan inisiatif **dilaksanakan secara sistematik, efektif dan efisien** bagi memastikan objektif strategik dapat dicapai.

Hasil daripada **pemantauan dan pengukuran prestasi**, bahagian/unit akan membuat penilaian dan semakan semula bagi menentukan samada objektif strategik adalah relevan dan signifikan. Mekanisme pengukuran dan pencapaian UiTMCT dibincangkan melalui pelbagai peringkat pengurusan seperti Bengkel PS, Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP), Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) dan Mesyuarat JKEN Khas PS. Maklumbalas dari perbincangan digunakan sebagai rujukan dan **pembelajaran bagi tindakan pembedahan, pencegahan dan penambahbaikan**.

UiTMCT optimis dalam menjalankan proses **memilih, mengumpul, menjajar dan mengintegrasikan data dan maklumat secara kolektif serta dianalisis secara efektif** yang dilaksanakan oleh PTJ setiap bahagian dan jabatan mematuhi Objektif Kualiti 2020-2025 dalam mencapai PS UiTM 2024 yang disasarkan.

Budaya penjimatan dan belanjawan berhemah diterapkan dalam pelaksanaan PI yang ditetapkan. Hasil pencapaian UiTMCT **disebar luas kepada warga UiTMCT** melalui pelbagai platform yang diguna pakai di mana konsep digitalisasi diutamakan.

Maklumbalas yang diterima hasil daripada penyebaran maklumat membantu proses membuat keputusan berdasarkan fakta serta penambahbaikan prestasi bagi JI&K. Ia dapat diterjemah penghasilan penajaan pendapatan dan keusahawanan serta kemampuan dalam memenuhi sasaran dan pencapaian prestasi yang ditetapkan.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCT membangunkan **Model Jaringan Lestari JI&K** yang berfungsi sebagai kerangka utama yang **bersistemik dalam mengurus, menilai, dan memperkukuh** hubungan strategik bersama industri, komuniti dan rakan kolaborasi. Naratif **Model Jaringan Lestari JI&K mengintegrasikan strategik, operasi dan kewangan** secara holistik. Gabungan ketiga-tiga aspek ini memastikan kolaborasi universiti dengan industri dan komuniti bukan sahaja memberi manfaat jangka pendek, tetapi juga menjamin kelestarian jangka panjang selaras dengan visi UiTM sebagai universiti unggul bertaraf dunia.

PENGUKURAN PENCAPAIAN BIDANG TUMPUAN

PS UiTMCT berkaitan JI&K **dibuat secara sistemik** sejajar dengan tema utama Pelan Strategik UiTM 2025 yang diterjemahkan melalui dua objektif strategik iaitu (Bukti 4.2a):

1. Melahirkan graduan seimbang serta berdaya saing di peringkat global dengan ciri keusahawanan (PS2).
2. Memperkukuh jaringan strategik bersama industri dan komuniti (PS5).

Pengukuran pencapaian telah ditetapkan hasil Bengkel PS UiTMCT (Bukti 4.2b) melalui input Pengurusan Kanan dan pelaksana projek. Kaedah pengukuran merangkumi:

1. PI yang ditetapkan UiTM bagi JI&K.
2. Objektif kualiti UiTMCT.
3. Tahap kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan dan program JI&K.

Objektif kualiti UiTMCT bagi JI&K merangkumi penganjuran program keusahawanan dan pengantarabangsaan. Penilaian tahap kepuasan pelanggan turut diberi penekanan terhadap perkhidmatan UiTMCT dan pelaksanaan program JI&K. Justeru, **Model Jaringan Lestari JI&K** ini menekankan kelestarian hasil (*sustainability*) melalui **tiga (3) komponen utama** iaitu:

Model Jaringan Lestari JI&K- Strategik

Fokus kepada pembentukan rangkaian jangka panjang dengan industri, komuniti dan rakan akademik bagi memperkukuh ekosistem universiti–industri–komuniti. Penekanan diberi pada keselarasan dengan Pelan Strategik UiTM 2025 supaya setiap kolaborasi menyumbang kepada pencapaian objektif universiti. Sebanyak empat (4) PI digunakan dalam mengukur keberhasilan, dengan **mengambil kira elemen penilaian, penambahbaikan dan inovasi** yang terhasil iaitu Pelan Tindakan Strategik (SAP) (Bukti 4.2c).

Model Jaringan Lestari JI&K- Operasi

Menekankan pelaksanaan program dan inisiatif seperti keusahawanan pelajar, KTP, pengantarabangsaan dan khidmat alumni. Keberkesanan dinilai melalui PI, tahap kepuasan pelanggan dan kualiti pelaksanaan bagi memastikan impak tinggi kepada semua pihak berkepentingan. Sebanyak **empat (4) PI** telah ditetapkan bagi mengukur keberhasilan dengan memberi **penekanan kepada penilaian berterusan, penambahbaikan sistemik dan inovasi** yang terhasil (Bukti 4.2d).

Model Jaringan Lestari JI&K- Kewangan

Fokus pada penjanaan nilai dan kelestarian sumber kewangan melalui kolaborasi industri, geran, pelaburan *start-up* pelajar serta sumbangan alumni. Tujuannya ialah mengukuhkan keupayaan universiti menjana dana sendiri dan memastikan daya tahan kewangan jangka panjang. Sebanyak **tiga (3) PI** digunakan dalam mengukur keberhasilan yang **menekankan elemen penilaian, penambahbaikan dan inovasi** (Bukti 4.2e).

Model Jaringan Lestari JI&K mengintegrasikan **dimensi strategik, operasi dan kewangan secara sinergistik** bagi memperkukuh kolaborasi universiti–industri–komuniti di peringkat antarabangsa dan kebangsaan. Penetapan pengukuran dilaksanakan secara inklusif melalui

pengurusan maklumat dengan rakan, unit dan pelanggan, selaras dengan prinsip emergi yang digariskan oleh Pengurusan Kanan UiTMCT. Rujukan utama seperti Laporan Pengurusan Risiko dan Pelan Tindakan Strategik (SAP) turut memperkukuh asas pelaksanaan, sekali gus **memastikan pencapaian JI&K yang berimpak tinggi**. Justeru, model ini menjadi wahana strategik dalam menjamin kelestarian akademia, sosioekonomi dan penjanaan nilai, seterusnya memacu visibiliti dan imej UiTMCT selaras dengan **Fokus UiTMCT 2020–2025** (Bukti 4.2a).

SENARAI BUKTI:

1. [K0024_A01_AB02_20251_UiTMCT 4.2a PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN.pdf](#)
2. [K0024_A01_AB02_20252_UiTMCT 4.2b PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN.pdf.pdf](#)
3. [K0024_A01_AB02_20253_UiTMCT 4.2c PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN.pdf.pdf](#)
4. [K0024_A01_AB02_20254_UiTMCT 4.2d PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN.pdf.pdf](#)
5. [K0024_A01_AB02_20255_UiTMCT 4.2e PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN.pdf.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Hasil analisis pengukuran pencapaian **disebarluaskan di peringkat UiTMCT** melalui beberapa platform seperti bengkel dan mesyuarat bagi memenuhi aspirasi **Model Jaringan Lestari Ji&K**. Bagi UiTMCT, data yang diperolehi meliputi pengukuran pencapaian Ji&K daripada sumber di peringkat UiTM Shah Alam dan UiTMCT. Data utama setiap bulan adalah dari sistem BTU dan data kewangan pihak Bendahari bagi penjana pendapatan dan keusahawanan. Bagi sumber data dari UiTM Shah Alam dan UiTMCT, ia meliputi data yang dikumpulkan dan dianalisa mengikut PI.

Bagi Jaringan Industri, **data dikumpulkan dan dianalisa setiap suku tahun**. Data dari sistem *MyAlumni Virtual Card* (Bukti 4.3a) adalah untuk menilai pencapaian PI019 dan PI138. Bagi PI072 dan PI074, data dikumpulkan dan dianalisa dari sistem NILAMs (Bukti 4.3b). Data dari sistem SMART (Bukti 4.3c) pula dikumpulkan dan dianalisa untuk menilai pencapaian bagi PI073, PI077, PI079 dan juga PI080. Untuk sistem PRIME, data diambil untuk dianalisa bagi mengukur PI075, PI076, PI077, PI078, PI079 serta PI136

Manakala, bagi Keusahawanan pula, ia **dikumpulkan dan dianalisa secara bulanan dari sistem MyENT** (Bukti 4.3e) untuk pengukuran penilaian PI021 dan yang terakhir adalah dari Sistem Pengurusan Data Keusahawanan yang digunakan untuk pencapaian PI022, PI023, PI024, PI025 dan PI026.

Setiap bahagian/unit bertanggungjawab untuk memastikan **kesahihan dan ketepatan data** yang diterima sebelum menjalankan analisis bagi tujuan semakan dan pengukuran prestasi. Pemilihan data serta kaedah penilaian **kekerapan pengumpulan dan analisis** ditentukan oleh setiap bahagian/unit yang terlibat. Item ukuran dan prestasi disemak dan dianalisis melalui **pemantauan dan perbincangan** yang dijalankan secara berkala dalam PS UiTMCT serta mesyuarat ketua unit yang berkaitan.

Hasil analisis **dibentangkan** dalam Bengkel Semakan PS, MKSP, Mesyuarat JKEN dan Mesyuarat JKEN Khas PS sebagai sebahagian daripada proses semakan, di mana **tindakan pembetulan** dilaksanakan mengikut keperluan. Semakan tersebut dijalankan untuk **memperkemaskan kaedah pengukuran** Petunjuk Prestasi. Data hasil analisis dipersembahkan menggunakan graf perbandingan, kaedah peratusan, serta perbandingan peratusan bagi memudahkan pemantauan dan penilaian prestasi. Keberkesanan kaedah yang digunakan dalam pengumpulan, penganalisaan data dan penyebaran terhadap maklumat, perancangan strategik dibuktikan melalui pencapaian 5 bintang skor i-UiTM untuk petunjuk prestasi 2024 (Skor 82%) dan penarafan 6 bintang bagi *Strategic Action Plan* (SAP) 2024.

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_A01_AB03_20251_UiTMCT 4.3a PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN.pdf.pdf](#)
2. [K0024_A01_AB03_20252_UiTMCT 4.3b PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN.pdf.pdf](#)
3. [K0024_A01_AB03_20253_UiTMCT 4.3c PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN.pdf.pdf](#)
4. [K0024_A01_AB03_20254_UiTMCT 4.3d PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN.pdf.pdf](#)
5. [K0024_A01_AB03_20255_UiTMCT 4.3e PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN.pdf.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Setiap aktiviti JI&K di UiTMCT dilaporkan selepas pelaksanaan di peringkat bahagian atau unit mengikut **Model Jaringan Lestari** yang berteraskan kerjasama strategik universiti, industri, agensi kerajaan, komuniti dan alumni. Pelaporan dibuat melalui *Google Site* ICAN (ICAN@BPJI UiTMCT), Bahagian HEP (hepuitmct), e-mel serta salinan bercetak untuk Jabatan Bendahari (Bukti 4.4.1a). Laporan dibentangkan kepada Pengurusan Kanan sebelum ke Mesyuarat Jawatankuasa Induk Penjanaaan Pendapatan UiTMCT, Mesyuarat Pengurusan (MP) Kampus, Mesyuarat JKEN PS dan MKSP (Bukti 4.4.1b). Maklum balas dianalisis oleh Unit Pengurusan Risiko (UPR) dan direkodkan dalam Analisis Risiko Aktiviti sebagai asas Pelan Tindakan Strategik (Bukti 4.4.1c).

Proses pemantauan dilaksanakan secara sistematik, hasil penemuan dianalisis, dan tindakan penambahbaikan dilaksanakan bagi meningkatkan keberkesanan. Pengurusan Kanan mengamalkan penyahpusatan kuasa dengan memberi autoriti kepada Ketua Jabatan untuk membuat keputusan segera, mengurangkan birokrasi serta mempercepat penyampaian maklumat risiko. Contohnya, insiden serangan beruang terhadap sarang kelulut dilaporkan melalui aplikasi *WhatsApp* dan Ketua Jabatan segera mengarahkan pemindahan sarang bagi mengelakkan kerugian hasil. Tindakan ini memastikan kelangsungan projek secara lestari, manakala langkah jangka panjang dibincangkan dalam mesyuarat pengurusan bagi memperkukuh prosedur tindak balas risiko (Bukti 4.4.1d).

SENARAI BUKTI:

1. [K0024_A01_AB04_AC01_20251_UiTMCT 4.4.1a PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN.pdf.pdf](#)
2. [K0024_A01_AB04_AC01_20252_UiTMCT 4.4.1b PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN.pdf.pdf](#)
3. [K0024_A01_AB04_AC01_20253_UiTMCT 4.4.1c PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN.pdf.pdf](#)
4. [K0024_A01_AB04_AC01_20254_UiTMCT 4.4.1d PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN.pdf.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pemantauan pengurusan risiko dilaksanakan secara berterusan di setiap PTJ. Hasil pemantauan ini **didaftarkan**, dianalisis dan dinilai melalui Sistem Pengurusan Risiko Elektronik (e-RMS) bagi memastikan **pemantauan dapat dilaksanakan serta dianalisa, dan tindakan pencegahan serta penambahbaikan** dapat diambil **secara sistematik** (Bukti 4.4.2a). Data serta maklumat yang dikumpul digunakan untuk menambah baik proses pengurusan risiko, manakala **hasil analisis dikongsi** bersama **warga UiTMCT** bagi memastikan keterlibatan menyeluruh. Pendekatan ini membolehkan tindakan susulan dilaksanakan dengan lebih efisien dan berkesan, seterusnya meningkatkan ketelusan serta keberkesanan tadbir urus risiko di UiTMCT.

Sebagai contoh pelaksanaan, Bahagian HEP (BHEP) juga turut melaksanakan **pendaftaran risiko** bagi setiap aktiviti atau program keusahawanan pelajar menggunakan *Google Form* sebagai instrumen pelaporan yang dilaporkan melalui *Google Site* HEP UiTMCT. Manakala rekod aktiviti/program di peringkat MASMED dikumpulkan dan disimpan melalui *Google Drive* (Bukti 4.4.2c). Pendekatan ini **memastikan setiap risiko berkaitan program atau aktiviti direkodkan dengan konsisten, disemak, dan tindakan lanjut diambil mengikut keperluan**. Selain itu, emel peringatan turut dihantar oleh BPJI kepada **warga UiTMCT** sebagai **langkah pencegahan** bagi mengelakkan risiko ketidakpatuhan, khususnya apabila pelaporan tidak dilaksanakan selepas sesuatu program dijalankan (Bukti 4.4.2d).

Pemantauan turut diperkukuh melalui UiTM Strategic Management System (UiSMS) oleh ICAN, yang dilaksanakan secara berkala bagi mengenal pasti jurang pencapaian berbanding sasaran dan seterusnya membolehkan tindakan segera diambil (Bukti 4.4.2e). Pendekatan menyeluruh ini memastikan hala tuju aktiviti kekal selari dengan objektif serta PI yang ditetapkan.

Keseluruhan amalan ini adalah selaras dengan **Model Jaringan Lestari** yang berteraskan kerjasama strategik antara universiti, industri, agensi kerajaan, komuniti, dan alumni. Amalan ini bukan sahaja memperkukuh pengurusan risiko dan tadbir urus, malah seiring dengan **Fokus UiTMCT 2020–2025** yang menitikberatkan penjimatan dan penjanaan sumber, peningkatan visibiliti, serta pengukuhan kecemerlangan warga universiti.

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_A01_AB04_AC02_20251_UiTMCT 4.4.2a PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN.pdf.pdf](#)
2. [K0024_A01_AB04_AC02_20252_UiTMCT 4.4.2b PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN.pdf](#)
3. [K0024_A01_AB04_AC02_20253_UiTMCT 4.4.2c PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN.pdf](#)
4. [K0024_A01_AB04_AC02_20254_UiTMCT 4.4.2d PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN.pdf](#)
5. [K0024_A01_AB04_AC02_20255_UiTMCT 4.4.2e PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMCT komited untuk memastikan semua proses **pengumpulan data** berkaitan JI&K dilaksanakan **secara sistematik dan menyeluruh**. Data yang diperoleh dikumpul, **dianalisis**, dan dibentangkan dalam pelbagai mesyuarat di peringkat bahagian atau unit bagi memastikan semua pihak berkepentingan dimaklumkan mengenai perkembangan terkini.

UiTMCT **menganalisis hasil tindakan** melalui pemilihan lokasi yang sesuai, penentuan waktu pengumpulan data yang tepat, dan pelaksanaan analisis berterusan bagi memastikan penambahbaikan yang berkesan. Unit Strategik dan Transformasi Universiti (USTU) memainkan peranan penting dalam menyelaras perancangan serta pelaksanaan pelbagai inisiatif universiti (Bukti 4.4.3a) berpandukan carta alir yang telah disediakan (Bukti 4.4.3b), di samping memantau perkembangan PS UiTMCT untuk memastikan setiap inisiatif dilaksanakan mengikut jadual dan mencapai objektif yang ditetapkan.

Sebagai **langkah penambahbaikan, amalan turun padang** oleh Pengurusan Kanan telah menjadi satu platform perkongsian kepada **warga UiTMCT** (Bukti 4.4.3c). Inisiatif ini membolehkan pihak pengurusan melihat sendiri situasi sebenar di lapangan, memahami isu yang dihadapi oleh staf dan mahasiswa, serta mendapatkan maklum balas terus yang dapat dijadikan asas kepada tindakan penambahbaikan yang lebih berkesan.

Tambahan pula, laporan eRMS digunakan sebagai mekanisme **pemantauan risiko** dan **kawalan tambahan**, yang membudayakan pengukuran serta memastikan pengurusan pengetahuan dilaksanakan secara sistematik dan berkesan dalam menyokong pelaksanaan strategi universiti (Bukti 4.4.3d).

Seterusnya, PI UiTMCT 2024 menunjukkan keberhasilan pencapaian JI&K melalui tren skor bintang (2020–2024) dengan sasaran yang dicapai pada tahap 5 bintang (82%), di samping penarafan 6 bintang bagi *Strategic Action Plan (SAP)* 2024. Dapatan ini digunakan sebagai asas kukuh dalam **merangka penambahbaikan strategik yang lestari dan menyumbang kepada kecemerlangan warga UiTMCT** (Bukti 4.4.3e).

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_A01_AB04_AC03_20251_UiTMCT 4.4.3a PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN.pdf.pdf](#)
2. [K0024_A01_AB04_AC03_20252_UiTMCT 4.4.3b PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN.pdf.pdf](#)
3. [K0024_A01_AB04_AC03_20253_UiTMCT 4.4.3c PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN.pdf.pdf](#)
4. [K0024_A01_AB04_AC03_20254_UiTMCT 4.4.3d PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN.pdf.pdf](#)
5. [K0024_A01_AB04_AC03_20255_UiTMCT 4.4.3e PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN.pdf.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

UiTMCT mengamalkan pendekatan **integrasi menyeluruh** bukan sahaja melibatkan komuniti, malahan turut melibatkan industri dalam menguruskan maklumat dan pengetahuan yang diperolehi daripada proses pengukuran, analisis, serta pengurusan pengetahuan. Amalan ini menjadi asas kepada **pembudayaan pengukuran**, di mana setiap dapatan daripada aktiviti dan laporan seperti MyRA, MyENT, e-SRR, dan eRMS **dianalisis, dibincangkan, serta dikongsi** dalam pelbagai mesyuarat strategik untuk penambahbaikan berterusan (Bukti 4.5a). Dengan memahami keperluan dan mengenal pasti jurang prestasi, strategi dapat dirancang serta dilaksanakan secara lebih efektif berlandaskan dapatan PI UiTMCT (Bukti 4.5b).

Hasil analisis ini dimanfaatkan untuk **menyusun strategi dan pelan tindakan yang lebih spesifik dan berfokus**, memastikan **penambahbaikan yang dilaksanakan bersifat menyeluruh dan berimpak tinggi**. Antara langkah yang diambil bagi pembudayaan JI&K termasuk peningkatan program latihan, kursus tambahan, bimbingan keusahawanan, serta pengenalan modul baharu yang sejajar dengan keperluan pasaran semasa. Sebagai contoh di peringkat UiTMCT, taklimat MASMED untuk pelajar baharu pada sesi 2024 telah dilaksanakan bagi membudayakan keusahawanan sejak tahun pertama pengajian. Manakala, pembudayaan JI&K **diperluaskan di peringkat luar UiTMCT** dilaksanakan menerusi aktiviti seperti Program Smart Agro-Solarpreneur yang melibatkan **pihak industri**, *Safe Talk* yang melibatkan pihak CelcomDigi, sewaan ruang kepada **pihak komuniti setempat** yang terbukti mampu **melonjakkan kelestarian keusahawanan** (Bukti 4.5c).

Dapatan analisis turut digunakan bagi **memperkuh program** sedia ada seperti *Expertise Coaching Program*, Projek Air Mineral MASMED, dan siri Unipreneur. Pada masa sama, beberapa inisiatif baharu diperkenalkan termasuk kempen peningkatan pendaftaran MyENT dan penggunaan data e-SRR dalam penilaian keusahawanan mahasiswa (Bukti 4.5d).

Di samping itu, data mengenai keperluan industri dimanfaatkan sepenuhnya untuk memperkuh kerjasama dengan rakan industri, menyediakan pengalaman pembelajaran yang lebih praktikal dan berorientasikan industri. Pendekatan ini **meningkatkan kebolehpasaran graduan** di samping **menguatkan daya saing industri** (Bukti 4.5e).

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_A01_AB05_20251_UiTMCT 4.5a PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN.pdf.pdf](#)
2. [K0024_A01_AB05_20252_UiTMCT 4.5b PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN.pdf.pdf](#)
3. [K0024_A01_AB05_20253_UiTMCT 4.5c PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN.pdf.pdf](#)
4. [K0024_A01_AB05_20254_UiTMCT 4.5d PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN.pdf.pdf](#)
5. [K0024_A01_AB05_20255_UiTMCT 4.5e PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN.pdf.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTMCT sentiasa peka dalam **merancang pendekatan** pengurusan sumber manusia demi memastikan kecemerlangan warga kerja sekaligus membolehkan bidang tumpuan yang telah ditetapkan dapat dilaksanakan dengan berkesan oleh keseluruhan 816 orang staf. Tenaga ini telah diurus dengan baik bagi memaksimumkan potensinya dalam mencapai kecemerlangan jaringan industri dan keusahawanan (JI&K). Gabungan kemahiran inovasi, kolaborasi dan daya saing semua staf dimanfaatkan dalam melaksanakan pendekatan sumber manusia seperti pembentukan **Jawatankuasa Aktiviti JI&K**, program **Educators with Entrepreneurship Expertise (EEE)**, **penghargaan kepada staf dan pemantauan**. Perancangan dibuat dengan mengambilkira pemilihan tenaga kerja yang berinovasi, berkelayakan dalam JI&K dan pembinaan budaya organisasi yang mampan bagi mencapai bidang tumpuan.

Pelbagai langkah **peluasan telah dilaksanakan** oleh Pengurusan Kanan UiTMCT bagi memastikan kejayaan dapat dicapai dalam JI&K dengan cara memaksimumkan sumber manusia secara efektif. Kepakaran dan pengalaman yang dimiliki oleh staf UiTMCT dimanfaatkan dalam pelbagai aktiviti JI&K dalam dan luar UiTMCT. Sebanyak lapan memorandum persefahaman telah dijalinkan dengan industri di peringkat nasional dan antarabangsa. Kepakaran staf juga telah dioptimumkan dalam pelbagai projek JI&K seperti **Projek Agropreneur** iaitu projek penternakan kelulut, projek burung walit dan projek fertigasi cili. Projek ini telah diinovasi melalui **Projek Smart Agro-Solarpreneur** dengan menambah elemen penggunaan solar ke dalam projek agropreneur.

Pemantauan telah dilaksanakan oleh Pengurusan Kanan UiTMCT bagi menilai tahap kepuasan hati dan maklum balas staf melalui pelbagai kaedah seperti program libat urus, mesyuarat berkala, sistem e-aduan serta penilaian latihan. Dapatan tersebut dianalisis bagi mengenal pasti isu dan risiko dalam bidang tumpuan. Beberapa risiko telah dikenal pasti seperti **tahap kompetensi staf, salah laku dalam pengurusan rekod tunai dan kelewatan operasi projek**. Tindakan **pencegahan** diambil melalui pendekatan EEE oleh MASMED, pelaksanaan mod pembayaran tunai dan tanpa tunai, pemantauan mesyuarat dan penggunaan Borang Analisa Risiko Aktiviti.

Usaha **penambahbaikan** berterusan dilaksanakan melalui **kursus pembangunan kompetensi staf, program pemindahan ilmu (KTP), aktiviti JI&K bersama komuniti, pemberian anugerah dan pengiktirafan prestasi**. Manakala maklum balas yang diterima **disalurkan** kembali kepada staf UiTMCT melalui platform emel dan Telegram bagi memastikan tindakan pembetulan dapat dilaksanakan secara berkesan demi mewujudkan persekitaran kerja kondusif, produktif dan mampan.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan sumber manusia yang **lestari dan bersistematik** dengan mengambilkira **elemen penilaian, penambahbaikan dan inovasi** yang terhasil telah dilaksanakan oleh UiTMCT kepada 361 orang staf akademik dan 455 orang staf bukan akademik. Kesemua 816 tenaga ini telah diuruskan dengan baik dan sistematik bagi memaksimumkan potensinya dalam mencapai kecemerlangan aktiviti JI&K. Gabungan kemahiran inovasi, kolaborasi dan daya saing semua staf telah dimanfaatkan dalam merancang bidang tumpuan secara sistematik dengan mengambilkira elemen pendekatan, inovasi dan penambahbaikan.

Jawatankuasa Aktiviti Jalinan Industri & Keusahawanan telah dibentuk berdasarkan kepakaran staf dalam bidang tumpuan JI&K (Bukti 5.2a). Penglibatan staf sebagai penyelararas kolaborasi industri (focal person), penasihat program dan fasilitator program pemindahan ilmu telah berjaya mewujudkan interaksi langsung antara staf dan pelajar dalam suasana pembangunan kompetensi keusahawanan. Program ini telah membantu mencapai sasaran Objektif Kualiti PJI 3, iaitu memastikan lima aktiviti jaringan industri/masyarakat peringkat universiti/ kebangsaan/ antarabangsa diadakan setiap tahun. Antara program yang dijalankan seperti MyNEXT Internship Marketweek x - CESF'24, Bank Rakyat Unipreneur 4.0, SAFE Talk (CelcomDigi), Projek Air Mineral MASMED, Perniagaan Runner, Program Back To School Bukit Besi, Program Sambutan Hari Alam Sekitar Negara (HASN) dan Sambutan Hari Ozon Sedunia, Program, Pembersihan Pantai : Santuni Alam, Projek Penternakan Kelulut, projek burung walet, projek fertigasi cili dan Program Smart Agro Solarpreneur. Projek penternakan kelulut ini menyokong matlamat pembangunan mampan (SDG1,4,12,17) serta pembangunan bakat dalam bidang agropreneur dan bioteknologi (Bukti 5.2b).

Melalui **pendekatan EEE**, staf UiTMCT yang mempunyai kepakaran keusahawanan telah membimbing peserta dalam kursus dan aktiviti yang dianjurkan seperti dalam program Mentor Keusahawanan dan Konsultasi Perniagaan (Hari Terbuka Kelab). Impaknya pelajar lebih bersedia dalam pengurusan kewangan dan ilmu ini secara tidak langsung dapat dimanfaatkan dan disebar luas ke komuniti luar (Bukti 5.2c).

Staf yang proaktif dan telah berjaya menjayakan bidang tumpuan JI&K diberi **ganjaran dan penghargaan** atas usaha yang telah dibuat sebagai satu bentuk motivasi untuk meneruskan kecemerlangan warga melalui majlis apresiasi seperti Anugerah Akademik Universiti (AAU 2024) yang mengetengahkan Anugerah Fakulti Terbaik Keusahawanan. Anugerah Kecemerlangan Warga UiTMCT (AKW) adalah inovasi yang dihasilkan bagi mengiktiraf sumbangan staf UiTMCT. Hebahan kejayaan turut dibuat melalui media sosial yang diseliasa oleh Unit Komunikasi Korporat (UKK) seperti Facebook, Telegram, Whatsapp, Instagram dan Tiktok (Bukti 5.2d).

Pemantauan berkala telah dijalankan melalui Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP), Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri Khas (PS) dan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) (Bukti 5.2e). **Penambahbaikan** telah dibuat melalui analisa aduan maklumbalas program serta laporan hasil daripada pembentangan mesyuarat.

SENARAI BUKTI:

1. [K0024_S01_SB02_20251_UiTMCT 5.2a TUMPUAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)
2. [K0024_S01_SB02_20252_UiTMCT 5.2b TUMPUAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)
3. [K0024_S01_SB02_20253_UiTMCT 5.2c TUMPUAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)
4. [K0024_S01_SB02_20254_UiTMCT 5.2d TUMPUAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)
5. [K0024_S01_SB02_20255_UiTMCT 5.2e TUMPUAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan Kanan UiTMCT telah mengambil inisiatif dalam **mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia di peringkat antarabangsa dan universiti**. Kepakaran sumber manusia telah **berjaya dimanfaatkan** melalui termeterainya **memorandum bersama industri** yang melibatkan penawaran khidmat perundingan oleh staf UiTMCT kepada pihak industri. Sebanyak lapan memorandum persefahaman telah berjaya dimeterai bersama industri hasil daripada sikap daya saing dan proaktif staf UiTMCT. Memorandum yang telah dicapai adalah **di peringkat antarabangsa mahupun kebangsaan** seperti Universitas Sumatera Utara (USU) serta Universiti Islam Negeri Salatiga, Indonesia, Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (APPGM), Maybank, Pusat Sains Kreativiti Terengganu, Yayasan Diraja Sultan Mizan dan Good Virtue & Co (Bukti 5.3a). Pelbagai **impak** terhasil dengan termeterainya memorandum ini seperti **peningkatan kerjasama staf akademik** dalam **bidang penyelidikan** contohnya pembangunan **hub penyelidikan** dan membantu mempromosikan Kenyir Elephant Conservation Village (KECV) sebagai Destinasi Eko Pelancongan dengan kerjasama Yayasan Diraja Sultan Mizan.

Inisiatif seperti **Konsultansi Perniagaan (Hari Terbuka Kelab)** dan **Projek Minimart MASMED** telah membuka ruang kepada **warga UiTMCT** yang berminat dalam bidang keusahawanan untuk mendapatkan bimbingan serta tunjuk ajar daripada staf MASMED yang berperanan sebagai sumber manusia UiTMCT dalam perkongsian pengalaman, panduan dan pengetahuan berkaitan pengurusan perniagaan. Selain itu, **Sesi Perkongsian Ilmu** contohnya melalui **GRaCe 2024** bersama staf yang berkepakaran juga diadakan bagi menyebarkan kemahiran mereka kepada warga. Pelaksanaan projek-projek ini adalah sejajar dengan **Model Jaringan Lestari (Pertalian Hubungan Warga)** (Bukti 5.3b).

Kepakaran staf UiTMCT juga telah diiktiraf **di peringkat antarabangsa dan kebangsaan**. Ini dapat dilihat melalui pelbagai program keusahawanan serta kursus jangka pendek, di mana khidmat staf UiTMCT dimanfaatkan sebagai jururunding. Sebagai contoh, Projek Penternakan Lebah Kelulut di Medan, Indonesia pada 9 hingga 11 Oktober 2024 di bawah Program Komuniti Servis Antarabangsa bersama Universitas Sumatera Utara, diadakan untuk **perkongsian ilmu serta mempromosikan produk pertanian UiTMCT** kepada **komuniti antarabangsa** (Bukti 5.3c). **Projek Agropreneur UiTMCT** pula melibatkan **konsultansi staf UiTMCT** berkaitan penternakan kelulut, projek burung walet, dan projek fertigasi cili di peringkat kebangsaan. Projek Penternakan Kelulut yang menghasilkan madu berjenama UiTMHoney telah berjaya **menjana pendapatan kepada warga UiTMCT** dan komuniti yang mencecah RM7000 sebulan (Bukti 5.3d). Projek Fertigasi Cili yang diusahakan oleh Briged MASMED dengan kerjasama Jabatan Pertanian Daerah Dungun bertujuan menjana pendapatan UiTMCT dengan potensi penghasilan sehingga 3 tan metrik cili. Manakala **Projek Smart Agro-Solarpreneur** memberi pendedahan berkaitan teknologi hijau, pemantauan hasil serta latihan keusahawanan praktikal. Seramai enam peserta dipilih dan dilatih selama dua bulan oleh tenaga pakar UiTMCT (Bukti 5.3e). Projek yang dijalankan secara tidak langsung membantu **meningkatkan ekonomi setempat**.

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_S01_SB03_20251_UiTMCT 5.3a TUMPUAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)
2. [K0024_S01_SB03_20252_UiTMCT 5.3b TUMPUAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)
3. [K0024_S01_SB03_20253_UiTMCT 5.3c TUMPUAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)
4. [K0024_S01_SB03_20254_UiTMCT 5.3d TUMPUAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)
5. [K0024_S01_SB03_20255_UiTMCT 5.3e TUMPUAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pengurusan Kanan UiTMCT **telah melaksanakan kaedah pemantauan dan seterusnya hasil pemantauan ini dianalisa** bagi menilai tahap kepuasan hati, aduan dan maklum balas staf terhadap persekitaran dan sistem kerja. Seterusnya **penambahbaikan dilakukan** bagi memastikan kebajikan staf terpelihara, kestabilan organisasi terjamin dan suasana kerja yang harmoni dapat diwujudkan.

Antara kaedah pemantauan yang digunakan ialah **libat urus pengurusan bersama staf** bagi mengukuhkan komunikasi dua hala, penyelesaian masalah dan penambahbaikan sistem kerja seperti Program Amanat Rektor, Program Rektor Turun Padang dan Program Libat Urus PTJ dan Staf (Bukti 5.4.1a).

Selain itu, **mesyuarat berkala** turut menjadi medium penting pemantauan seperti Taklimat Akademik yang diadakan dua kali setahun bagi staf akademik dan mesyuarat jabatan atau bahagian bagi staf bukan akademik. Dapatan mesyuarat dibawa ke Mesyuarat Pengurusan Kampus (MPK) dan turut dibincangkan di Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) (Bukti 5.4.1b).

UiTMCT turut mengedarkan **borang soal selidik dan maklumbalas sebagai kaedah pemantauan kepuasan hati staf** seperti soal selidik Happiness Index (HI) di mana analisa keseluruhan HI 6.0 menunjukkan 74% staf berpuas hati terhadap persekitaran dan sistem kerja di UiTMCT. Analisa soal selidik Tinjauan Keperluan Latihan Staf UiTMCT 2024 pula mendapati sebanyak 101 responden memilih bidang pengurusan dan pentadbiran sebagai fokus latihan. Dapatan soal selidik ini penting untuk merancang keperluan latihan staf pada masa akan datang (Bukti 5.4.1c).

Aduan dan maklumbalas juga boleh disalurkan melalui **sistem e-aduan** yang berfungsi dalam menjadikan penyampaian perkhidmatan lebih berkesan dan efektif. Semua hasil e-aduan **dianalisa dan dibentangkan** dalam MKSP setiap dua kali setahun agar **penambahbaikan** dapat dilaksanakan oleh bahagian yang terlibat (Bukti 5.4.1d).

Berdasarkan kepada **pencapaian PI program-program JI&K** yang berjaya dilaksanakan membuktikan staf UiTMCT responsif terhadap aspirasi pengurusan kanan UiTMCT bagi kecemerlangan warga (Bukti 5.4.1e). Gerak kerja dan sumbangan tenaga dan kemahiran staf yang padu memacu kepada pencapaian sasaran PI yang ditetapkan.

SENARAI BUKTI:

1. [K0024_S01_SB04_SC01_20251_UiTMCT 5.4.1a TUMPUAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)
2. [K0024_S01_SB04_SC01_20252_UiTMCT 5.4.1b TUMPUAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)
3. [K0024_S01_SB04_SC01_20253_UiTMCT 5.4.1c TUMPUAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)
4. [K0024_S01_SB04_SC01_20254_UiTMCT 5.4.1d TUMPUAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)
5. [K0024_S01_SB04_SC01_20255_UiTMCT 5.4.1e TUMPUAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan Kanan UiTMCT telah **mengenal pasti risiko utama** dalam JI&K dan telah **mengambil tindakan pencegahan** yang sewajarnya seterusnya **melakukan penambahbaikan** yang diperlukan.

Ketidalcukupan tahap kompetensi staf adalah risiko yang dihadapi dalam JI&K. Bilangan staf akademik yang mempunyai kelayakan dan kepakaran dalam JI&K masih tidak mencukupi. Sebagai tindakan pencegahan pihak MASMED UiTMCT telah memperkenalkan pendekatan EEE yang bertujuan meningkatkan bilangan staf berkelayakan dalam bidang keusahawanan (Bukti 5.4.2a).

Risiko salah laku dalam kalangan sumber manusia telah dimasukkan dalam senarai daftar risiko Bendahari UiTMCT seperti kecuaiian dalam mengurus rekod hasil tunai di Hotel UiTMCT. Tindakan pencegahan telah diambil dengan mempelbagaikan mod bayaran termasuk transaksi tanpa tunai (*cashless*) (Bukti 5.4.2b).

Risiko lain yang dikesan ialah **pengurusan operasi projek yang tergendala** contohnya peralihan premis Mini Mart MASMED UiTMCT dari bangunan Integriti ke bangunan Karisma berikutan pertukaran PTJ daripada PJI kepada HEP. Begitu juga dengan Projek Retort (Dana ZAWAF) yang tidak dapat dilaksanakan dan sebagai tindakan pencegahan, pengurusan kanan UiTMCT sentiasa memantau pengemaskinian projek melalui MKSP (Bukti 5.4.2c).

Sebagai langkah pencegahan dan penambahbaikan, setiap program atau aktiviti yang dilaksanakan diwajibkan untuk melengkapkan **Borang Analisa Risiko Aktiviti dan sistem eRMS**. Borang dan sistem ini berfungsi sebagai daftar rekod potensi risiko yang berlaku sekaligus memperkukuh mekanisme pengurusan risiko UiTMCT (Bukti 5.4.2d).

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_S01_SB04_SC02_20251_UiTMCT 5.4.2a TUMPUAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)
2. [K0024_S01_SB04_SC02_20252_UiTMCT 5.4.2b TUMPUAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)
3. [K0024_S01_SB04_SC02_20253_UiTMCT 5.4.2c TUMPUAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)
4. [K0024_S01_SB04_SC02_20254_UiTMCT 5.4.2d TUMPUAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)
- 5.

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan Kanan UiTMCT telah mengumpul maklum balas staf melalui kaedah libat urus, mesyuarat dan soal selidik. **Data yang dikumpul dianalisa untuk tujuan penambahbaikan dan tindakan yang efisien dan efektif diambil. Tindakan itu kemudiannya telah dikongsi kepada staf UiTMCT** melalui emel, Telegram dan memo bagi penambahbaikan sistem kerja, latihan relevan, pengukuhan persekitaran kerja dan kelestarian operasi JI&K.

Pengurusan Kanan UiTMCT telah mengambil **tindakan berfokus kepada penambahbaikan berterusan (*continuous improvement*)** bagi memastikan staf berada dalam persekitaran kondusif dan produktif.

Program latihan dan bengkel pengurusan organisasi diadakan bagi melengkapkan kemahiran staf dalam pengurusan operasi dan kelestarian sistem kerja seperti Kursus Pemantapan Imej dan Pengucapan Awam serta kursus berkaitan ICT dan Teknologi (Bukti 5.4.3a).

Program Pemindahan Ilmu (KTP) melalui aktiviti JI&K membuka peluang kepada staf berkongsi kemahiran dan pengetahuan kepada **pelajar dan komuniti** seperti Kelulut Farming in Honey Production for the Economic Improvement of the B40 Group Outbound Mobility - Program Komuniti Servis Antarabangsa: Projek Penternakan Lebah Kelulut di Medan, Indonesia (Bukti 5.4.3b).

Anugerah dan Pengiktirafan Prestasi Kerja meningkatkan motivasi staf bagi menghasilkan produktiviti kerja yang cemerlang seperti Anugerah Akademik Universiti (AAU), Anugerah Kecemerlangan Warga (AKW) dan Innovation, Invention and Design Exhibition (IIDEX) 2024 (Bukti 5.4.3c).

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_S01_SB04_SC03_20251_UiTMCT 5.4.3a TUMPUAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)
2. [K0024_S01_SB04_SC03_20252_UiTMCT 5.4.3b TUMPUAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)
3. [K0024_S01_SB04_SC03_20253_UiTMCT 5.4.3c TUMPUAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)
- 4.
- 5.

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

UiTMCT telah **mengamal dan membudayakan aktiviti JI&K di peringkat antarabangsa dan kebangsaan** hasil daripada kerjasama strategik. Pembudayaan aktiviti ini telah berjaya menghasilkan inovasi yang memberi impak kepada komuniti antarabangsa dan tempatan.

UiTM Honey adalah **hasil inovasi antarabangsa** daripada Projek Penternakan Kelulut yang telah melangkaui sempadan antarabangsa. Inovasi juga terhasil dari projek **Smart Agropreneur** di mana elemen solar diselitkan sehingga terhasil projek **Smart Agro Solarpreneur**. IIDEX 2024 telah berjaya memberi peluang kepada staf menghasilkan inovasi dan **staf yang telah berjaya dalam pertandingan tersebut diberikan penghargaan berbentuk medal dan sijil** (Bukti 5.5a).

Penghargaan dan pengiktirafan telah diberikan kepada **warga UiTMCT** hasil daripada inovasi yang telah dijalankan seperti **Anugerah Inovasi dan Pengkomersialan Produk, Anugerah Jaringan Khidmat Komuniti Terbaik, Anugerah Fakulti Terbaik Jaringan Industri dan Komuniti dan Anugerah Fakulti Terbaik Keusahawanan** dalam Majlis Anugerah Akademik Universiti 2024 (Bukti 5.5b).

Pengiktirafan juga telah diberikan dalam bentuk **Pembiayaan Yuran Penerbitan Artikel (PYPA), Pembiayaan Yuran Prosiding Berindeks (PYPB) dan Pembiayaan “1L1P” Reward 2024** dan pengiktirafan ini telah memberi peluang kepada semua warga menyumbang semula ke dalam Tabung Projek Kesarjanaan Akademik (Bukti 5.5c).

Pembudayaan aktiviti JI&K juga telah diperluaskan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan melalui Seminar Peradaban Islam dan Ketamadunan Malaysia (SPIKEM) anjuran ACIS UiTMCT dengan kerjasama YADIM yang telah disertai oleh pelajar daripada sepuluh buah sekolah di sekitar Dungun dan pensyarah daripada **dua buah universiti dari Indonesia**. Program Qaseh Ramadhan **dengan kerjasama Mydin dan RTM yang melibatkan 120 orang pelajar daripada enam buah sekolah telah mendapat liputan siaran RTM**. Program kolaborasi sebegini mempercepatkan proses pemindahan ilmu dan pengalaman serta melebarkan JI&K secara maksima (Bukti 5.5d).

Sistem MyATP dan PRIME telah berjaya membudayakan aktiviti JI&K di UiTMCT. Hasilnya warga UiTMCT dipercayai dan lebih dekat dengan komuniti setempat. Pengiktirafan dan pengaruh sebegini amat penting untuk mendorong lebih banyak inisiatif, kolaborasi dan peluang Lestari JI&K Strategik pada masa hadapan (Bukti 5.5e).

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_S01_SB05_20251_UiTMCT 5.5a TUMPUAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)
2. [K0024_S01_SB05_20252_UiTMCT 5.5b TUMPUAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)
3. [K0024_S01_SB05_20253_UiTMCT 5.5c TUMPUAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)
4. [K0024_S01_SB05_20254_UiTMCT 5.5d TUMPUAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)
5. [K0024_S01_SB05_20255_UiTMCT 5.5e TUMPUAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Dalam usaha meningkatkan daya saing graduan di peringkat global, UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) telah mengambil **pendekatan proaktif melalui pelaksanaan strategi Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K)**. Komitmen tinggi ditunjukkan oleh pihak Pengurusan Kanan UiTMCT untuk memastikan kelestarian dalam menggalakkan warga untuk menjalankan aktiviti-aktiviti jaringan bersama industri dan keusahawanan yang baik dan efektif.

Perancangan aktiviti JI&K **dijalankan secara sistematik dan teliti** melalui pendekatan perancangan strategik yang diisi dalam templat Strategic Action Plan (SAP). Selanjutnya SAP ini dibentangkan dalam Bengkel Perancangan Strategik yang dilaksanakan pada setiap tahun. Proses penyediaan kertas kerja yang dibentangkan dalam mesyuarat dalaman. Proses ini membolehkan input daripada pelbagai jabatan diambil kira bagi memastikan pelaksanaan yang seiring dengan keperluan industri semasa dan hala tuju strategik universiti. Setiap projek JI&K yang dirancang menyokong objektif Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan aspirasi UiTM untuk menghasilkan graduan yang holistik dan berkemahiran tinggi serta mempunyai minda keusahawanan.

Pelaksanaan program dijalankan mengikut **prosedur** yang ditetapkan oleh Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (BPJI), dengan berpandukan model PDCA (*Plan, Do, Check, Action*). Model ini digunakan dalam proses kerja utama sebagai penambahbaikan bagi projek dan aktiviti yang berkaitan. Program-program yang dilaksanakan merangkumi pelbagai inisiatif seperti kolaborasi penyelidikan dengan industri, penganjuran seminar dan bengkel keusahawanan, serta pemerkasaan pelajar melalui latihan praktikal dan pemindahan teknologi.

Pemantauan dibuat secara berkala melalui **penyediaan laporan kemajuan projek, laporan kewangan, serta dokumentasi aktiviti**. Laporan ini dibentangkan dalam mesyuarat dalaman bagi tujuan semakan dan penambahbaikan. Program inkubator keusahawanan misalnya, dipantau dari segi pencapaian peserta, kadar kelangsungan perniagaan, serta impak kepada ekosistem kampus. Prestasi pelaksanaan juga diukur melalui peningkatan bilangan perjanjian persefahaman (MoU/MoA) dengan industri, peningkatan kadar kebolehpasaran graduan, serta penglibatan aktif pelajar dalam program keusahawanan dan inovasi. Pemantauan ini bukan sahaja membantu memastikan keberkesanan pelaksanaan, malah menjadi asas penting kepada penilaian impak jangka panjang terhadap misi universiti.

UiTMCT mengambil pendekatan **tindakan penambahbaikan** berterusan sebagai satu budaya kerja dalam memastikan kualiti pengurusan dan keberkesanan pelaksanaan JI&K sentiasa berada di tahap terbaik. Di samping itu, kajian maklum balas dan pencapaian dari laporan terdahulu **dikongsikan kepada warga UiTMCT** agar dapat dijadikan rujukan dalam merancang tindakan penambahbaikan pada masa akan datang. Pengiktirafan dalaman dan anugerah kepada projek berimpak tinggi juga dijadikan sebagai pemangkin motivasi dan galakan kepada penglibatan lebih meluas dalam kalangan warga kampus. Secara keseluruhan, usaha bersepadu ini mencerminkan iltizam UiTMCT untuk kekal relevan dan cemerlang dalam memacu agenda jaringan industri dan keusahawanan di peringkat **antarabangsa dan kebangsaan**.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan Kanan UiTMCT telah menyusun **perancangan** projek JI&K secara **sistematik** dengan mengambil kira elemen **penilaian, penambahbaikan dan inovasi** yang selari dengan aspirasi KPT, hala tuju universiti serta keperluan industri melalui penerapan Model Jaringan Lestari yang menyokong pencapaian Petunjuk Prestasi (PI) berkaitan jaringan industri dan keusahawanan seperti PI021, PI022, PI024, PI023, PI076 dan PI078.

Antara **proses utama** ialah **Bengkel Perancangan Strategik** tahunan yang berfungsi sebagai platform untuk merangka pelan dan aktiviti jabatan (Bukti 6.2a). Proses ini dilaksanakan secara teratur dengan penetapan standard kualiti, prosedur kualiti, objektif kualiti serta carta fungsi jabatan. Dari segi Jaringan Industri, pelaksanaan disokong oleh **Objektif Kualiti Bahagian Penyelidikan & Jaringan Industri** (OK BPJI 1- OK BPJI 8) bagi memastikan program dan inisiatif berjalan lancar (Bukti 6.2b).

Bagi ICAN, proses utamanya adalah menggalakkan **aktiviti mobiliti pelajar** dalam dan luar negara dengan menyediakan maklumat institusi/syarikat berkaitan serta membantu pihak berkepentingan mewujudkan kerjasama strategik melalui MoU/MoA (Bukti 6.2c). Aktiviti yang dijalankan termasuk Projek Penternakan Lebah Kelulut di Medan, kursus *Personal Financial Planning (FIN533)* dan *SME Business Advisory Report* - ANNAKIM Boutique. Aktiviti ini **dinilai keberkesannya secara berterusan**, dengan penambahbaikan modul serta peluasan kerjasama, manakala inovasi terhasil melalui pendekatan pembelajaran berasaskan projek dan kolaborasi industri.

Selain itu, PI tahun 2024 merupakan hasil **penambahbaikan berterusan** berasaskan pengalaman Perancangan Strategik 2023. Pendekatan ini membuktikan UiTMCT bukan sahaja mengutamakan perancangan rapi, malah menekankan penambahbaikan berterusan untuk menjamin keberkesanan dan keberhasilan inisiatif (Bukti 6.2d).

Fungsi MASMED pula merangka **proses utama untuk memupuk keusahawanan** pelajar melalui maklumat mobiliti, penilaian berterusan dan penambahbaikan program. Perancangan *Community Engagement* dan MoU/MoA dilaksanakan secara sistematik bagi menilai impak kerjasama dengan komuniti serta memperluas jaringan industri. Keberkesanan jelas dibuktikan melalui peningkatan dana Unipreneur 4.0 (RM3,000), pertumbuhan Minimart (RM5,500 kepada RM13,267.12) dan penyertaan lebih 100 pelajar. Penambahbaikan termasuk pengukuhan dana serta peluasan penyertaan, manakala **inovasi** dizahirkan melalui aktiviti baharu seperti **SAFE Talk** dan perniagaan pelajar (*runner parcel*) (Bukti 6.2e).

Secara keseluruhan, UiTMCT melaksanakan program dan inisiatif melalui perancangan yang sistematik serta selari dengan **Model Jaringan Lestari**. Setiap objektif bukan sahaja mencapai sasaran, malah dinilai secara berterusan untuk memastikan keberkesanan, penambahbaikan dan **inovasi dalam bidang keusahawanan**, pembangunan staf, jaringan industri, kerjasama strategik serta penyelidikan dan perundingan. Hal ini jelas menunjukkan komitmen universiti terhadap kecemerlangan yang mampan.

SENARAI BUKTI:

1. [K0024_O01_OB02_20251_UiTMCT 6.2a TUMPUAN KEPADA OPERASI.pdf](#)
2. [K0024_O01_OB02_20252_UiTMCT 6.2b TUMPUAN KEPADA OPERASI.pdf](#)
3. [K0024_O01_OB02_20253_UiTMCT 6.2c TUMPUAN KEPADA OPERASI.pdf](#)
4. [K0024_O01_OB02_20254_UiTMCT 6.2d TUMPUAN KEPADA OPERASI.pdf](#)
5. [K0024_O01_OB02_20255_UiTMCT 6.2e TUMPUAN KEPADA OPERASI.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan Kanan UiTMCT menggunakan pendekatan PDCA (*Plan, Do, Check, Action*) melalui **Model Jaringan Lestari** di dalam proses kerja utama. Model tersebut dilaksanakan secara **meluas di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan juga kepada seluruh warga UiTMCT** sebagai penambahbaikan berterusan bagi projek dan aktiviti yang dirancang di bawah JI&K.

Proses perluasan dilaksanakan secara sistematik melalui pertanggungjawaban petunjuk prestasi utama (KPI) kepada setiap bahagian, selaras dengan hala tuju perancangan strategik UiTMCT yang telah dibentangkan dalam Majlis Amanat Rektor yang dihadiri oleh seluruh warga UiTMCT (Bukti 6.3a). Penyerapan dan pelaksanaan di peringkat JI&K diteruskan melalui Mesyuarat JKEN Khas (PS) dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) bagi memastikan penyelarasan dan keberkesanan tindakan. Bagi memastikan perluasan dan kesedaran terhadap operasi-operasi utama aktiviti hebahan perlu sentiasa disebar luaskan kepada seluruh warga UiTMCT melalui platform Amanat Rektor (tahunan), Mesyuarat JKEN Khas (PS), Mesyuarat Bahagian dan Unit, MKSP, Facebook, Telegram, Instagram, Kelab dan Persatuan (Bukti 6.3b).

Bagi melestarikan jaringan industri, UiTMCT membangunkan dan **mengekalkan hubungan kerjasama dengan industri** seperti menjalankan MoU/MoA serta menyelaraskan lawatan industri. Merujuk kepada laporan yang dilaporkan terdapat **sepuluh MoU/MoA** yang telah ditandatangani sepanjang tahun 2024 (Bukti 6.3c). Selain itu, bagi projek di bawah Jaringan Industri, perluasan dilakukan dengan melantik seorang staf Jaringan Industri iaitu En. Mohd Taufek Walek@ Walid sebagai pemantau untuk projek kelulut. Tambahan pula, kepakaran UiTMCT dalam bidang penternakan kelulut dan penghasilan produk **MyHoney** kini menjadi rujukan utama serta penanda aras di **peringkat antarabangsa dan kebangsaan** sebagai satu model pembangunan sosioekonomi berteraskan agroindustri yang mampan. Oleh hal yang demikian, ia membuktikan bahawa kerjasama strategik dengan pihak industri mampu mengukuhkan aktiviti penyelidikan dan inovasi serta memberi impak positif secara langsung kepada golongan B40 (Bukti 6.3d).

Dalam melestarikan keusahawanan pula, melalui pelaksanaan **aktiviti keusahawanan pelajar**, UiTMCT komited melahirkan graduan yang bukan sahaja berilmu, malah memiliki kemahiran keusahawanan yang diperkukuh dengan kepakaran dan tunjuk ajar pensyarah. **Perluasan** aktiviti tersebut disebarkan melalui kepakaran Program Pimpinan Kepakaran (*Expertise Coaching Program*) (Bukti 6.3e).

Oleh hal yang demikian, Model Jaringan Lestari dalam proses utama universiti membantu meningkatkan kualiti pengajaran, pentadbiran dan perkhidmatan melalui pendekatan sistematik dan penambahbaikan berterusan. Ia menyokong pencapaian visi universiti serta memenuhi keperluan pihak berkepentingan dan standard kualiti.

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_O01_OB03_20251_UiTMCT 6.3a TUMPUAN KEPADA OPERASI.pdf](#)
2. [K0024_O01_OB03_20252_UiTMCT 6.3b TUMPUAN KEPADA OPERASI.pdf](#)
3. [K0024_O01_OB03_20253_UiTMCT 6.3c TUMPUAN KEPADA OPERASI.pdf](#)
4. [K0024_O01_OB03_20254_UiTMCT 6.3d TUMPUAN KEPADA OPERASI.pdf](#)
5. [K0024_O01_OB03_20255_UiTMCT 6.3e TUMPUAN KEPADA OPERASI.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi memastikan operasi Jaringan Industri dan Keusahawanan berada pada tahap yang baik, pencapaian perancangan strategik UiTMCT dan Objektif Kualit **dipantau** serta semua **hasil dapatan program telah dibentangkan** dalam platform MKSP, Mesyuarat JKEN Khas (PS) dan Mesyuarat Bahagian PJI bagi **mengenalpasti langkah penambahbaikan** berterusan dapat dilaksanakan dengan lebih dinamik dan sistematik (Bukti 6.4.1a). Hasil jangkaan terhadap pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik Jaringan Industri dan Keusahawanan bagi menjamin kelestarian pencapaian adalah selari dengan objektif strategik JI & K. **Kaedah pengumpulan data** bagi aktiviti Jaringan Industri di audit sewaktu *Integrated Quality Management System* (iQMS) dan ianya dilaporkan *e-Self-Review Report* (e-SRR) yang disediakan secara tahunan oleh UiTMCT. e-SRR merupakan dokumen utama yang dirujuk oleh panel penilai Audit iQMS yang dilantik oleh Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA) (Bukti 6.4.1b).

Selain itu, **melalui platform pemantauan** seperti analisis pencapaian KPI tahunan, Pembentangan Perancangan Strategik Mesyuarat JKEN Khas (PS) dan Laporan *Happiness Index* (Bukti 6.4.1c). Data-data tersebut dikumpulkan, **dianalisis** dan **dibentangkan** melalui MKSP iaitu sebanyak dua kali setahun bagi tujuan **tindakan pembetulan dan penambaaian berterusan**. Melalui proses utama dalam prosedur jaringan industri dan keusahawanan, hasil jangkaan terhadap pelaksanaan objektif dan inisiatif strategik JI&K dapat melonjakkan hasil seperti peningkatan bilangan MoU/MoA di peringkat kampus. Di bawah Jaringan Industri, **pemantauan** terhadap projek penternakan kelulut dijalankan **secara mingguan** bagi memastikan log sarang berada dalam keadaan aktif dan aktiviti tuaian madu dilakukan secara bulanan. (Bukti 6.4.1d).

Manakala untuk **pemantauan dalam keusahawanan** pula, melalui program MyENT, **mahasiswa akan dibimbing untuk meneruskan perniagaan dengan baik serta bimbingan pendaftaran perniagaan** mereka melalui laman sesawang Akademi PPS dan Pembangunan Keusahawanan Malaysia. Pelajar mendapat pendedahan mendalam dan berstruktur dalam keusahawanan melalui bimbingan pensyarah bertauliah yang telah mengikuti kursus dan memperoleh sijil kompetensi sebagai *Entrepreneurship Educator Expert*. Sijil ini melayakkan pensyarah untuk mengajar subjek keusahawanan yang ditawarkan di setiap program akademik (Bukti 6.4.1e). Ia membantu pelajar mengenal pasti cabaran dan peluang perniagaan serta membentuk minda keusahawanan yang progresif dan berdaya saing. **Pemantauan** untuk projek Agro Solarpreneur pula dilakukan secara berkala selama empat kali oleh Koordinator yang terlibat agar penambahbaikan dilaksanakan secara berterusan.

SENARAI BUKTI:

1. [K0024_O01_OB04_OC01_20251_UiTMCT 6.4.1a TUMPUAN KEPADA OPERASI.pdf](#)
2. [K0024_O01_OB04_OC01_20252_UiTMCT 6.4.1b TUMPUAN KEPADA OPERASI.pdf](#)
3. [K0024_O01_OB04_OC01_20253_UiTMCT 6.4.1c TUMPUAN KEPADA OPERASI.pdf](#)
4. [K0024_O01_OB04_OC01_20254_UiTMCT 6.4.1d TUMPUAN KEPADA OPERASI.pdf](#)
5. [K0024_O01_OB04_OC01_20255_UiTMCT 6.4.1e TUMPUAN KEPADA OPERASI.pdf](#)

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan UiTMCT memberi perhatian penuh terhadap pengurusan risiko bagi memastikan objektif kualiti dapat dicapai pada tahap paling ideal. Bagi memantapkan operasi dan mencapai matlamat JI&K, UiTMCT telah melaksanakan pengurusan risiko di dalam pengurusan operasi yang **didaftarkan** dalam **Daftar Risiko** menerusi sistem e-RMS yang kemudiannya **dinilai serta dianalisa** untuk tindakan pencegahan dan penambahbaikan (Bukti 6.4.2a).

Berikut adalah risiko dan tindakan pencegahan dan tindakan penambahbaikan yang mempunyai kaitan dengan JI&K:

Risiko 1: Risiko Keusahawanan- Terdapat kekangan modal dan ruang untuk menjalankan projek keusahawanan oleh pelajar dan alumni. Kekangan ini mengurangkan minat dan motivasi pelajar dan alumni untuk terlibat dalam aktiviti keusahawanan.

Tindakan pencegahan dan penambahbaikan: Pihak MASMED telah menyediakan peluang pembiayaan modal perniagaan anjuran Bank Rakyat Unipreneur 4.0 dimana pelajar yang berpotensi telah menerima suntikan dana sebanyak RM3000 dan RM100 diberikan sebagai anugerah bagi peserta yang cemerlang (*Most Innovative Award*) (Bukti 6.4.2b). Manakala bagi kategori alumni, pembiayaan melalui program Smart Agro-Solarpreneur dijalankan untuk memupuk usahawan agro mapan dikalangan anak muda. MASMED juga menyediakan ruang kepada pelajar untuk menjana pendapatan melalui Perniagaan Runner, Projek Air Mineral MASMED, Projek MINIMART MASMED dan pelajar boleh meletakkan barang perniagaan di koperasi siswa. Suntikan modal dan peluang ini berjaya menyuntik motivasi pelajar & alumni dalam keusahawanan sekaligus **penambahbaikan dan inovasi dapat dihasil** (Bukti 6.4.2c).

Risiko 2: Risiko PJI- keterbatasan dalam penyebaran maklumat pelaporan aktiviti serta ketidaklengkapan data penting dalam sistem PRIME dan *Smart Rating*. Pelaporan yang tidak lengkap akan mengurangkan pencapaian PI dan *visibility* UiTMCT.

Tindakan pencegahan dan penambahbaikan: BPJI membangunkan template, infografik carta alir proses pelaporan projek, manual pelaporan yang komprehensif, serta panduan pengisian maklumat di PRIME *Star Rating* bagi memudahkan ketua atau penasihat projek komuniti memasukkan data. Semua dokumen ini boleh diakses melalui pautan Google Site ICAN (Bukti 6.4.2d). Selain itu, platform *WhatsApp* digunakan untuk menyampaikan maklumat dan hebahan kepada PIC di setiap fakulti. BPJI turut menganjurkan bengkel praktikal (*hands-on*) PRIME bagi memastikan penyediaan pelaporan aktiviti dapat **dijalankan secara sistematik dan teliti** (Bukti 6.4.2e).

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_O01_OB04_OC02_20251_UiTMCT 6.4.2a TUMPUAN KEPADA OPERASI.pdf](#)
2. [K0024_O01_OB04_OC02_20252_UiTMCT 6.4.2b TUMPUAN KEPADA OPERASI.pdf](#)
3. [K0024_O01_OB04_OC02_20253_UiTMCT 6.4.2c TUMPUAN KEPADA OPERASI.pdf](#)
4. [K0024_O01_OB04_OC02_20254_UiTMCT 6.4.2d TUMPUAN KEPADA OPERASI.pdf](#)
5. [K0024_O01_OB04_OC02_20255_UiTMCT 6.4.2e TUMPUAN KEPADA OPERASI.pdf](#)

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMCT komited melaksanakan inisiatif JI&K selaras dengan kerangka strategik **Model Jaringan Lestari** bagi memperkukuh kebolehpasaran Global Jaringan Industri dan Keusahawanan (Bukti 6.4.3a). Berpandukan prinsip PDCA, satu analisis operasi, iaitu **penambahbaikan (A)** telah dibuat bagi memastikan universiti terus mampu menyesuaikan diri dengan perubahan dalam industri, kehendak pelanggan, serta perkembangan teknologi baharu. Melalui **pengumpulan data dan maklumat yang dilakukan, penganalisan telah dijalankan bertujuan untuk penambahbaikan dan tindakan yang boleh diambil secara efisien dan efektif**. Hasil penganalisan tersebut **dikongsikan kepada warga** (Bukti 6.4.3b).

Penambahbaikan termasuk kajian maklum balas pelanggan yang membolehkan isu-isu direkod, dibentangkan dalam Mesyuarat Bahagian PJI dan Mesyuarat JKEN, dan ditangani melalui tindakan yang proaktif. Berdasarkan laporan kajian kepuasan pelanggan yang diterima, UiTMCT memberi perhatian dan mengambil langkah yang proaktif (Bukti 6.4.3c). Komentari dari bahagian keusahawanan dan jaringan industri telah ditambahbaik dengan menyediakan platform untuk mendapatkan suntikan dana kepada pelajar dan alumni yang berminat dalam aktiviti keusahawanan dan memperluaskan penyebaran maklumat kepada warga terhadap isu yang berkaitan dapat diselesaikan secara sistematik dan teratur (Bukti 6.4.3d). Setiap pelaporan dan hasil tersebut di dikongsikan dan di email kepada warga agar **penambahbaikan dan inovasi dapat dilaksanakan pada masa akan datang**.

Usaha penambahbaikan juga dilaksanakan melalui proses Pelaporan Aktiviti Jaringan Industri dengan mengaplikasikan pendekatan model PDCA. Menerusi BPJI 2024, **sasaran BPJI telah tercapai** dan ia telah dilaksanakan di bawah JI&K, dan pelaporan projek tersebut dibuat oleh Koordinator Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) (Bukti 6.4.3e).

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_O01_OB04_OC03_20251_UiTMCT 6.4.3a TUMPUAN KEPADA OPERASI.pdf](#)
2. [K0024_O01_OB04_OC03_20252_UiTMCT 6.4.3b TUMPUAN KEPADA OPERASI.pdf](#)
3. [K0024_O01_OB04_OC03_20253_UiTMCT 6.4.3c TUMPUAN KEPADA OPERASI.pdf](#)
4. [K0024_O01_OB04_OC03_20254_UiTMCT 6.4.3d TUMPUAN KEPADA OPERASI.pdf](#)
5. [K0024_O01_OB04_OC03_20255_UiTMCT 6.4.3e TUMPUAN KEPADA OPERASI.pdf](#)

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Halatuju KPT dan RMK12 menekankan integrasi kerjasama strategik antara institusi dan industri bagi melahirkan generasi masa depan yang berdaya saing serta memperkasa komuniti melalui pemindahan dan perkongsian ilmu. Pengurusan Kanan UiTMCT komited melestarikan inisiatif tersebut melalui pelaksanaan 18 Petunjuk Prestasi (PI) dan 9 Objektif Kualiti yang dirangka bagi memastikan keberhasilan Lestari JI&K Operasi (Bukti 6.5a) agar **pembudayaan JI&K dihayati oleh semua warga UiTM dan merentas ke peringkat antarabangsa.**

Salah satu inovasi utama yang direalisasikan dalam **pembudayaan JI&K oleh semua warga** ialah transformasi proses manual kepada **operasi digital**. Dalam konteks ini, **Google Site berperanan sebagai platform pusat** bagi mengintegrasikan pelbagai medium komunikasi dan sumber maklumat. Melaluinya, akses kepada e-mel, Google Drive, Google Form, e-poster, kod QR, SOP, pekeliling, manual, carta alir, serta talian telefon rasmi dapat disusun dengan lebih sistematik, sekali gus **meningkatkan amalan pembudayaan di peringkat UiTM, kebangsaan dan antarabangsa** (Bukti 6.5b).

Penyebarnya dilaksanakan secara berfasa, bermula dengan tahap kesedaran melalui taklimat, bengkel, mesyuarat dan dokumen dalaman seperti prosedur kualiti serta carta fungsi. Peringkat seterusnya melibatkan **penghayatan melalui latihan dan pengalaman kerja** seharian, manakala **pemantauan serta penambahbaikan berterusan dilakukan** menerusi mesyuarat rasmi (Bukti 6.5c).

Hasil daripada budaya operasi digital ini, UiTMCT diiktiraf sebagai institusi rujukan, sekali gus memperoleh **geran industri dan antarabangsa**. UiTMCT turut menjalin **pemindahan ilmu dengan universiti luar negara** seperti Gunma University, UIN Salatiga dan Karpagam Academy of Higher Education, India, selain kerjasama dengan industri tempatan, Terengganu Agrotech Development Corp. Sdn. Bhd. **Tahap pembudayaan ini** juga dibuktikan dengan **pengiktirafan berprestij** pada tahun 2024 seperti Anugerah Graduan Bekerja di MNC & Luar Negara Tertinggi, Sumbangan Alumni Terbanyak, Kolaborasi Alumni Terunggul serta Unipreneur 4.0 Tech Innovator. UiTMCT juga berjaya menandatangani 10 MoU/MoA di peringkat antarabangsa dan kebangsaan berbanding tahun 2023 (Bukti 6.5d).

Selain daripada itu pencapaian 100% sasaran 7/12 PI ICAN dan 4/6 PI MASMED turut membuktikan keberkesanan budaya ini. Lebih menarik, staf bukan akademik juga berjaya mengangkat nama UiTMCT melalui pemindahan ilmu madu kelulut di Indonesia (Bukti 6.5e). Ini membuktikan UiTMCT mengangkat peranan warganya sebagai **duta ilmu dan inovasi di persada antarabangsa.**

SENARAI BUKTI :

1. [K0024_O01_OB05_20251_UiTMCT 6.5a TUMPUAN KEPADA OPERASI.pdf](#)
2. [K0024_O01_OB05_20252_UiTMCT 6.5b TUMPUAN KEPADA OPERASI.pdf](#)
3. [K0024_O01_OB05_20253_UiTMCT 6.5c TUMPUAN KEPADA OPERASI.pdf](#)
4. [K0024_O01_OB05_20254_UiTMCT 6.5d TUMPUAN KEPADA OPERASI.pdf](#)
5. [K0024_O01_OB05_20255_UiTMCT 6.5e TUMPUAN KEPADA OPERASI.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

Hasil dari Prestasi Kewangan adalah “**Pengewangan Aset Secara Menyeluruh, Sinergi Warga Menjana Hasil Mapan**” iaitu mencerminkan komitmen universiti dalam memaksimumkan penggunaan aset dan sumber secara strategik, sekali gus memperkukuh prestasi kewangan yang mampan bagi mencapai PI128 & PI129.

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) telah melaksanakan pelbagai inisiatif **penjanaan pendapatan** sepanjang 2024 dan menghasilkan **pencapaian yang melebihi sasaran** bagi **PI128 dan PI129**, termasuk **penyewaan ruang kampus, pengoperasian hotel universiti, kursus jangka pendek, pakej *team building*, seminar akademik, kolaborasi antarabangsa serta projek agropreneur madu kelulut**. **Monetisasi aset** dilaksanakan secara menyeluruh melalui penggunaan optimum fasiliti seperti dewan, makmal, bilik kuliah, gelanggang sukan, Kem Gemia dan kawasan ternakan kelulut, yang disewakan atau dikomersialkan sebagai **sumber hasil baharu** dalam melestarikan **Jaringan Industri & Keusahawanan (JIK)**.

Hotel universiti juga diperkasakan sebagai unit perniagaan aktif bagi dengan model operasi yang lebih mampan, mencatat peningkatan dalam kadar penginapan dan tempahan bilik seminar mencatatkan peningkatan ketara, sekali gus **melebihi sasaran PI** berkaitan. Hal ini membuktikan **daya saing UiTMCT dalam mengoptimalkan aset berbanding cawangan lain** yang masih di peringkat awal pengoperasian hotel.

Kursus jangka pendek terus mendapat sambutan menggalakkan dan berjaya **menjana pendapatan yang melebihi sasaran**, antaranya **Modul Pastris SMKKJ, Modul *Housekeeping* ILP, Kursus Masakan Pelbagai Biskut, Roti dan Pastris Lapis anjuran bersama Penjara Malaysia serta modul bersama SMKDEBS dan SMKPS**. Di samping itu pelbagai **aktiviti *team-building*** yang mendapat permintaan tinggi daripada pihak agensi kerajaan dan swasta seperti Program *Team Building* Pejabat Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi (TNCPI), Program *Team Building* bagi Mesyuarat METPI dan program *team building* sekolah turut ditawarkan dengan menggunakan kemudahan kampus bagi menjana pendapatan.

Projek Agropreneur kendalian MASMED yang melibatkan **penternakan kelulut**, juga berperanan sebagai platform latihan **keusahawanan** pelajar dalam bidang pertanian moden. Berpandukan **Model Jaringan Lestari**, projek ini memberi **nilai tambah** kepada pembelajaran dan juga menjadi salah satu penyumbang hasil tetap kampus serta berpotensi tinggi sebagai **sumber kewangan alternatif universiti** bagi mencapai **JI&K**.

Penganjuran seminar serta konferensi ilmiah seperti **GDIID, IHEIID, GRaCE, SPIKEM** bukan sahaja menyokong prestasi penerbitan akademik, malah **menjana pendapatan** melalui yuran penyertaan, penajaan dan kerjasama yang menyumbangkan kepada **peningkatan data tren yang positif** setiap tahun. **Perbandingan hasil pencapaian juga dibuat antara UiTM Cawangan** bagi melihat **kompetensi UiTMCT** berbanding UiTM Cawangan lain.

Kesemua inisiatif ini menyumbang kepada peningkatan projek penjanaan hasil membuktikan keberkesanan UiTMCT dalam memperkukuh sumber kewangan institusi. Selain itu, program **inbound dan kolaborasi strategik** bersama rakan antarabangsa seperti **KAHE (India), USU (Indonesia) dan UNISSULA** telah memberi **impak positif dalam penjanaan pendapatan** di peringkat antarabangsa yang dicapai secara tidak langsung melalui yuran penyertaan, penggunaan fasiliti serta penginapan.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_K0024_HB02_20251_UiTMCT_7.1.2_HASIL DARI PELAKSANAAN STRATEGI.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_K0024_HB03_20252_UiTMCT_7.1.3_HASIL DARI PELAKSANAAN STRATEGI.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_K0024_HB04_20253_UiTMCT_7.1.4_HASIL DARI PELAKSANAAN STRATEGI.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_K0024_HB05_20254_UiTMCT_7.1.5_HASIL DARI PELAKSANAAN STRATEGI.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

Hasil Utama 2 tertumpu kepada **Hasil Tumpuan Operasi** melalui Program Bimbingan Kepakaran menghasilkan **Pemindahan Pengetahuan (KTP)** dan melestarikan **Jaringan Industri & Keusahawanan**. Hasil ini diukur berdasarkan kepada pencapaian **OK BPJI 1, OK BPJI 2, OK BPJI 3, OK BPJI 4, OK BPJI 8, PI021, PI022, PI023, PI024, PI076 dan PI078**.

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Berpandukan **Model Jaringan Lestari** yang memfokuskan Jaringan Industri & Keusahawanan (JI&K), UiTMCT terus mencipta **kejayaan yang melebihi sasaran** melalui pelbagai **program berimpak tinggi** di **peringkat antarabangsa dan kebangsaan** yang melibatkan staf, pelajar, industri, alumni dan komuniti. Kejayaan ini dicapai melalui pelaksanaan program dalaman dan luaran yang menyokong **pencapaian cemerlang** Petunjuk Prestasi (PI) berkaitan keusahawanan, termasuk **PI021, PI022, PI023, PI024, PI076 dan PI078**. **Tren pencapaian** menunjukkan peningkatan **positif** dan **melebihi sasaran** setiap tahun. Perbandingan antara kampus UiTM memberi gambaran jelas tentang kekuatan dan ruang penambahbaikan.

Bagi **PI021**, UiTMCT turut berjaya menghasilkan **lima hasil keusahawanan** yang berkualiti dan berimpak. Usaha ini diperkukuh melalui pelbagai program seperti **inkubator Mini Mart, projek pitching PayNet yang berjaya memperoleh dana RM50,000**, serta inisiatif sewaan ruang yang melibatkan pasar malam oleh **Kolej Kerawang, dua lot niaga untuk persatuan pelajar (UiTMCTKKTG), dan kerjasama bersama Bank Rakyat dalam program Bank Rakyat Unipreneur 4.0**.

Inisiatif-inisiatif ini bukan sahaja memantapkan **ekosistem keusahawanan** di kampus, malah memberikan **impak positif** bagi menyokong pelaksanaan urus niaga tanpa tunai (**cashless campus**) melalui penglibatan aktif pelajar dalam projek berskala kecil yang didanai secara langsung.

Lebih penting lagi, **pencapaian** ini turut diperkukuh melalui **kerjasama strategik dengan komuniti dan pemegang taruh**, termasuk kolaborasi bersama **MTDC melalui program Agropreneur**. Usaha ini membuktikan komitmen UiTMCT dalam membina jaringan keusahawanan yang mampan dan berdaya saing dengan pemeteraian MoU di **peringkat antarabangsa** iaitu bersama **Universitas Islam Sultan Agung (UNISSULA)** dan **Universitas Sumatera Utara (USU)** dari Indonesia.

Pencapaian cemerlang menerusi anugerah yang diraih UiTMCT pada tahun 2024, adalah seperti **Anugerah Best Tech Awards** semasa pitching akhir program Bank Rakyat Unipreneur 4.0 dan dalam masa yang sama, pelajar berjaya menunjukkan daya cipta dan inovasi melalui pertandingan seperti **Product Idea Innovation Showcase PRIDE 9.0**, sekaligus **meningkatkan imej dan visibiliti UiTMCT di peringkat kebangsaan** dan mencapai **PI022**. Tambahan pula, peningkatan bilangan alumni yang menceburi bidang keusahawanan setiap tahun membuktikan kejayaan UiTMCT dalam melahirkan **Employable Well Balanced Graduates (EWBG)** yang seimbang dari segi ilmu, sahsiah dan kebolehpasaran. Hal ini selari dengan visi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk memperkasa agenda keusahawanan dalam kalangan graduan ke arah pembentukan masyarakat MADANI.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_K0024_HB02_20251_UiTMCT_7.2.2_HASIL_DARI_OPERASI.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_K0024_HB03_20252_UiTMCT_7.2.3_HASIL DARI OPERASI.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_K0024_HB04_20253_UiTMCT_7.2.4_HASIL DARI OPERASI.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_K0024_HB05_20254_UiTMCT_7.2.5_HASIL DARI OPERASI.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

HASIL DARI PELAKSANAAN STRATEGI

Jaringan Industri & Keusahawanan (JI&K) memfokuskan kepada pencapaian **hasil dari pelaksanaan strategi** melalui Program Pemindahan Ilmu (KTP), Memorandum Persefahaman (MoU) / Memorandum Perjanjian (MoA), kolaborasi strategik, serta penyelidikan dan penerbitan bersama, yang diukur melalui OK BPJI 3 & 4 serta PI073, PI074, PI076, PI079 dan PI080.

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kejayaan Unit ICAN dan Unit MASMED adalah hasil pengurusan sumber manusia yang strategik serta penglibatan aktif seluruh warga. Pendekatan ini mengukuhkan operasi utama UiTMCT dalam memperkasakan JI&K.

UiTMCT telah mencapai kejayaan dalam JI&K dengan pencapaian yang **melebihi sasaran** menerusi **PI073 dan PI074** serta **Objektif Kualiti BPJI 4** seperti **MoU dan MoA** bersama agensi nasional, industri dan **rakan antarabangsa** iaitu **Institut Agama Islam (IAI) Padang Lawas, Sumatera Utara, Universitas Sumatera Utara (USU) serta Universiti Islam Negeri Salatiga, Indonesia**. Kolaborasi ini disokong oleh pelaksanaan projek strategik bersama industri yang terdiri daripada **Yayasan Inovasi Malaysia (YIM), Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (APPGM), Maybank, Pusat Sains Kreativiti Terengganu, Yayasan Diraja Sultan Mizan dan Good Virtue & Co.** yang menyumbang kepada penjenamaan UiTMCT di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa.

Inisiatif pembelajaran berimpak tinggi seperti **Service Learning Malaysia – University for Society (SULAM)** dan **Collaborative Group Collaborative Teaching (CGCT)** juga telah **berjaya melebihi sasaran** dan menunjukkan **tred yang positif** bagi merencanakan lagi penglibatan industri dalam aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran. Melalui SULAM, industri diberi peluang untuk menyumbang kepakaran serta berkongsi pengalaman secara langsung dengan pelajar dan komuniti, sekali gus meningkatkan kebolehpasaran graduan. Manakala melalui CGCT, pengajaran kolaboratif bersama pakar industri membolehkan pelajar mendapat pendedahan praktikal, menyelesaikan masalah sebenar industri, serta membangunkan kemahiran insaniah yang lebih mantap. Bagi pihak **industri** pula, keterlibatan dalam SULAM dan CGCT membuka ruang kerjasama penyelidikan, inovasi, pembangunan modal insan dan peluang penjenamaan bersama UiTMCT.

Dalam **KTP**, UiTMCT **mencapai sasaran** di bawah **OK BPJI 3 dan PI076 dan PI079**. Sekurang-kurangnya lima aktiviti jaringan industri bersama masyarakat dilaksanakan setiap semester, termasuk **Bizboost: Empowering Single Mothers Business Through Photography and Videography Rahmah, Kelulut Farming in Honey Production for the Economic Improvement of the B40 Group, Selamatkan Bumi Kita, Pendidikan Pencegahan Dadah** serta aktiviti **penyelidikan dan penerbitan bersama industri**. **4th Global Research Conference (GRaCe) 2024** telah dilaksanakan sebagai usaha meningkatkan penyelidikan dan penerbitan di **peringkat antarabangsa**. KTP ini telah memberi manfaat kepada pelajar, komuniti dan institusi secara menyeluruh.

Kerjasama alumni turut memainkan peranan penting dalam jaringan industri. Melalui **PI080**, UiTMCT berjaya mengekalkan hubungan baik dengan alumni dari pelbagai latar belakang industri. Hasilnya, kadar kebolehpasaran graduan meningkat dengan ketara. UiTMCT muncul sebagai penerima **Tempat Pertama** bagi **Kategori Graduan Bekerja di Syarikat Multinasional dan Luar Negara (GE2024)**, serta **Tempat Ketiga** bagi **kategori sumbangan alumni tertinggi**.

Analisa perbandingan prestasi pencapaian antara UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT)

dan UiTM Cawangan Sabah (UiTMCS) turut dilaksanakan bagi mengkaji tahap pencapaian semasa dan ianya mampu membuka ruang penambahbaikan serta peluang kerjasama strategik untuk memperkukuh daya saing kedua-dua kampus dalam JI&K.

Secara keseluruhan, UiTMCT berjaya **mencapai dan melebihi semua sasaran Objektif Kualiti (OK) dan Petunjuk Prestasi (PI) (OK BPJI 3, OK BPJI 4, PI073, PI074, PI076, PI079 dan PI080)**.Tren menunjukkan **peningkatan yang positif** telah memberikan indikasi usaha berterusan yang dilaksanakan oleh semua warga UiTMCT yang disokong oleh komitmen Pengurusan Kanan dan kerjasama UiTMCT melalui JI&K dengan penglibatan alumni, komuniti dan pemegang taruh. Hasil pencapaian ini telah memberikan **impak positif** kepada **warga UiTMCT, alumni, komuniti** dan juga **pemegang taruh** sehingga ke **peringkat antarabangsa**.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_K0024_HB02_20251_UiTMCT_7.3.2_HASIL DARI PRESTASI KEWANGAN.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_K0024_HB03_20252_UiTMCT_7.3.3_HASIL DARI PRESTASI KEWANGAN.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_K0024_HB04_20253_UiTMCT_7.3.4_HASIL DARI PRESTASI KEWANGAN.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_K0024_HB05_20254_UiTMCT_7.3.5_HASIL DARI PRESTASI KEWANGAN.pdf](#)